PP lwn. RAHIMAN SELAMAT & KES YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AHMAD MAAROP H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42A-21-2001, 42A-20-2001 & 42A-29-2001]
26 JUN 2003

KETERANGAN: *Pernyataan – Kebolehterimaan masuk – Pernyataan tertuduh selepas notis di bawah s. 45(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997 – Sama ada serupa dengan percakapan beramaran di bawah s. 113(1) Kanun Tatacara Jenayah dan s. 37A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 – Sama ada pernyataan boleh diterima masuk sebagai keterangan – Sama ada 'mixed statement' – Pendekatan bagi menerima masuk pernyataan – Akta Pencegahan Rasuah 1997, s. 45(3)*

KETERANGAN: *Saksi – Rakan sejenayah – Sama ada pemberi atau penerima rasuah rakan sejenayah – Kebolehterimaan keterangan – Sama ada keterangan memerlukan sokongan – Sama ada tertuduh-tertuduh boleh disabitkan atas keterangan pemberi atau penerima rasuah – Makna rakan sejenayah – Skop dan efek s. 44(1)(b) Akta Pencegahan Rasuah 1997 – Akta Pencegahan Rasuah 1997, s. 44(1)(b)*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Pencegahan Rasuah 1997 – Seksyen 11(a) – Rayuan – Timbalan Pendakwa Raya ('tertuduh') menyetuju terima jam tangan dan manfaat mendiami premis sewa secara percuma – Sama ada tertuduh boleh disabitkan atas keterangan pemberi atau penerima rasuah – Sama ada pemberi atau penerima rasuah rakan sejenayah – Sama ada keterangan pernyataan tertuduh di bawah s. 45(1) Akta Pencegahan Rasuah 1997 boleh diterima – Sama ada anggapan di bawah s. 42(1) Akta Pencegahan Rasuah 1997 timbul dan terpakai – Sama ada elemen kesalahan dibuktikan – Sama ada hukuman berpatutan – Akta Pencegahan Rasuah 1997, ss. 11(a), 42(1), 45(1)*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Rasuah – Pernyataan – Pernyataan tertuduh selepas notis di bawah s. 45(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997 – Sama ada serupa dengan percakapan beramaran di bawah s. 113(1) Kanun Tatacara Jenayah dan s. 37A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 – Sama ada pernyataan boleh diterima masuk sebagai keterangan – Sama ada 'mixed statement' – Pendekatan bagi menerima masuk pernyataan – Akta Pencegahan Rasuah 1997, s. 45(3)*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Rasuah – Rakan sejenayah – Sama ada pemberi atau penerima rasuah rakan sejenayah – Kebolehterimaan keterangan – Sama ada keterangan memerlukan sokongan – Sama ada tertuduh-tertuduh boleh disabitkan atas keterangan pemberi atau penerima rasuah – Makna rakan sejenayah – Skop dan efek s. 44(1)(b) Akta Pencegahan Rasuah 1997 – Akta Pencegahan Rasuah 1997, s. 44(1)(b)*

Tertuduh pertama ('OKT1') dan kedua ('OKT2') telah dipertuduh dengan kesalahan-kesalahan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('APR 1997'). OKT1, seorang Timbalan Pendakwa Raya di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah Malaysia ('BPRM') dikatakan telah secara rasuah

menyetuju terima daripada seorang yang bernama Razif ('SP1') suatu suapan, iaitu manfaat mendiami premis 33C-22-2, Villa Puteri Kondominium ('premis tersebut') tanpa apa-apa bayaran sebagai suatu dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya, iaitu menolong YB Dato' Saidin bin Thamby ('Dato' Saidin'), ketika itu Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang disiasat oleh BPRM supaya tidak didakwa di mahkamah. Pertuduhan kedua terhadap OKT1 adalah bahawa dia telah secara rasuah menyetuju terima daripada SP1 suatu suapan, iaitu sebuah jam tangan jenama Philippe Charriol bernilai RM4,215 sebagai suatu dorongan untuk membantu Dato' Saidin supaya tidak didakwa. OKT2, seorang Penolong Penguasa BPRM dikatakan telah secara rasuah menyetuju terima daripada SP1 sebuah jam tangan jenama Rolex Oyster Perpetual bernilai lebih kurang RM3,000 juga sebagai suatu dorongan untuk membantu Dato' Saidin supaya tidak didakwa. Di akhir kes pendakwaan Hakim Mahkamah Sesyen kedua ('HMS') yang telah mengambil alih kes ini daripada Hakim Mahkamah Sesyen pertama mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* bagi pertuduhan kedua terhadap OKT1 dan juga pertuduhan terhadap OKT2. Di akhir kes pembelaan, HMS telah mendapati OKT1 bersalah atas pertuduhan pertama dan mengenakan hukuman penjara dua tahun dan didenda RM80,000 jika tidak dibayar satu tahun penjara. Manakala OKT2 dilepaskan dan dibebaskan. OKT1 telah merayu terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Pihak pendakwaan pula telah merayu terhadap pembebasan OKT1 terhadap tuduhan kedua dan terhadap pembebasan OKT2. Kes pihak pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan SP1. Menurut SP1, OKT2 telah bersetuju untuk membantu Dato' Saidin. Pada 17 April 1998, SP1 telah membeli jam tangan Rolex tersebut untuk OKT2. SP1 telah kemudiannya diperkenalkan kepada OKT1 oleh OKT2. Sepanjang tempoh perkenalannya dengan OKT1 dan OKT2, SP1 telah menerima maklumat dan dokumen-dokumen berhubung siasatan BPRM ke atas kes Dato' Saidin. Pada masa itu, OKT1 terpaksa berpindah rumah dan SP1 telah menyewakan premis tersebut untuk OKT1. SP1 telah membayar deposit dan sewa bagi premis tersebut. SP1 juga telah melengkapkan premis tersebut dengan peralatan-peralatan rumah. Pada 19 Mei 1998 SP1 telah membelikan OKT1 jam tangan Philippe Charriol tersebut. Walau bagaimanapun, pada akhirnya Dato' Saidin masih dipertuduh di mahkamah oleh BPRM. Menurut SP1, OKT1 dan OKT2 telah mengkhianatinya. Antara isu-isu penting yang berbangkit untuk pertimbangan adalah, antara lain: (i) sama ada SP1 adalah rakan sejenayah dan apakah kedudukan undang-undang mengenai keterangan SP1 di bawah APR 1997; dan (ii) sama ada keterangan pernyataan OKT1 di bawah s. 45(1) APR 1997 ('D45') boleh diterima dan kesan undang-undang mengenai D45. Dalam D45, OKT1 menjelaskan bahawa dia menyewa premis tersebut sebagai sub-penyewa dan membayar sewa RM500 sebulan kepada SP1. OKT1 juga menjelaskan bahawa jam tangan itu telah diberikan oleh SP1 sebagai hadiah kerana persahabatan mereka yang rapat.

Diputuskan (menolak rayuan OKT1 terhadap sabitan, membenarkan rayuan pendakwaan terhadap pertuduhan kedua terhadap OKT1; dan menolak rayuan pendakwaan terhadap OKT2):

(1) Akta Pencegahan Rasuah 1997 tidak mengekalkan peruntukan di bawah s. 18 APR 1961. Sebaliknya, APR 1997 telah mengadakan peruntukan di bawah s. 44(1)(a) APR. Peruntukan di bawah s. 44(1)(a) APR adalah jauh lebih luas daripada peruntukan di bawah s. 18 APR 1961. Seksyen 44(1)(a) tidak lagi menggunakan perkataan 'no witness shall be presumed to be unworthy of credit'. Sebaliknya, seksyen tersebut menggunakan perkataan-perkataan 'tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana'. (perenggan 57)

(2) Dalam mentafsir s. 44(1)(a) APR 1997, kaedah tafsiran yang wajar digunakan ialah kaedah tafsiran literal dan ketat. Peruntukan itu membawa erti bahawa penglibatan seseorang itu dalam pelakuan kesalahan dengan apa-apa jua cara sekali pun tidak menjadikannya seorang rakan sejenayah. Sama ada seseorang itu hanya telah membuat 'improper payment' atau telah melakukan apa yang dikategorikan sebagai 'some more infamous part', atau telah dengan apa-apa cara terlibat dalam perlakuan kesalahan itu, dia tidak boleh dianggap sebagai rakan sejenayah. Jika seseorang itu tidak boleh dianggap rakan sejenayah, maka peruntukan di bawah s. 133 Akta Keterangan 1950 ('AK50') tidak terpakai. (perenggan 58 & 59)

(3) Mahkamah hendaklah mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan atas keterangan rakan sejenayah yang tidak disokong. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa kini sabitan boleh dibuat atas keterangan rakan sejenayah tanpa mahkamah perlu mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan atas keterangan rakan sejenayah yang tidak disokong. Keterangan seseorang rakan sejenayah, kini tiada bezanya dengan keterangan saksi-saksi biasa dan boleh dipertimbangkan seperti mana saksi-saksi biasa yang lain. Ini adalah niat pembuat undang-undang mewujudkan peruntukan di bawah s. 44(1)(a) dan s. 44(2) APR 1997. (perenggan 61)

(4) Hakim bicara kedua telah mendapati bahawa SP1 adalah rakan sejenayah dan keterangannya perlu disokong sebelum mahkamah dapat menerimanya sebagai keterangan yang kredibel. Berdasarkan huraian s. 44 APR 1997, keputusan yang dibuat oleh hakim bicara kedua adalah tidak betul. Oleh kerana SP1 tidak lagi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah, keterangannya hendaklah dipertimbangkan seperti saksi-saksi biasa yang lain. Dalam menerima atau menolak keterangan SP1, mahkamah perlu menilai dengan teliti betapa konsistennya keterangan SP1. Walaupun SP1 tidak goyah dalam keterangan, ini bukanlah penentu yang konklusif tentang kredibilitinya. Mahkamah perlu menimbangkan atau kemungkinan inheren keterangan itu. Keterangan yang diberikan oleh SP1, bukanlah keterangan seorang yang cuba

melarikan diri atau menjauhkan diri dari kes Dato' Saidin. Oleh itu, keterangan SP1 adalah keterangan yang boleh dipercayai dan dijadikan asas untuk memutuskan sama ada satu kes *prima facie* telah dibuktikan. (perenggan 63, 64, 82 & 83)

(5) Pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa OKT1 telah menyetuju terima daripada SP1 untuk dirinya satu suapan seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 APR 1997 iaitu, mendiami premis tanpa apa-apa bayaran. Ini bererti bahawa anggapan di bawah s. 42(1) APR 1997 telah timbul dan terpakai. Maka, suapan itu hendaklah dianggap telah disetuju terima secara rasuah. Ini bererti, elemen kedua dan ketiga bagi kesalahan dalam pertuduhan pertama telah dibuktikan. Oleh itu, pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT1 bagi pertuduhan pertama. (perenggan 90 dan 91)

(6) D45 adalah pernyataan yang dibuat oleh OKT1 selepas notis di bawah s. 45(3) APR 1997 diberi kepadanya. Seksyen 45(1) APR 1997 adalah serupa dengan peruntukan mengenai percakapan beramaran di bawah s. 113(1) Kanun Tatacara Jenayah dan juga s. 37A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Berdasarkan kepada s. 45(1), D45 boleh diterima masuk sebagai keterangan dalam perbicaraan OKT1. (perenggan 94 & 97)

(7) D45 adalah satu pernyataan di luar mahkamah yang merupakan 'mixed statement'. Maka, mahkamah patut mempertimbangkan D45 di akhir kes pendakwaan. Setelah menilai keseluruhan kandungan D45 bersekali dengan kesemua keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan, apa yang dinyatakan oleh OKT1 dalam D45 gagal untuk menyangkal atas imbangan kebarangkalian bahawa dia telah mendiami premis tersebut dan telah menerima jam tersebut sebagai suapan yang diterima secara rasuah dari SP1 sebagai dorongan kepadanya untuk menolong Dato' Saidin supaya tidak didakwa di Mahkamah. (perenggan 110)

(8) Berkenaan soal hukuman bagi pertuduhan pertama, hakim bicara kedua tidak terkhilaf dari segi prinsip undang-undang di dalam menjatuhkan hukumkan. Hukuman yang dijatuhkan tidaklah terlalu berat. Oleh itu, hukuman penjara dan denda dikekalkan. Tetapi hukuman penjara jika ingkar hukuman denda dikurangkan dari satu tahun ke enam bulan. (perenggan 119)

(9) Terdapat keraguan yang munasabah sama ada jam tangan Rolex tersebut telah dibelikan oleh SP1 untuk OKT2 dan dibayar oleh SP1 atau dibeli oleh OKT2 dan dibayar oleh OKT2. Maka, terdapat keraguan yang munasabah sama ada OKT2 telah menerima jam tersebut secara rasuah. Oleh itu, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* bagi pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan terhadap OKT2. (perenggan 133)

Kes-kes yang dirujuk:

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(refd)***
Becke v. Smith (1836) 2 M & W 191 ***(refd)***
Chandrasekaran & Ors v. PP [1970] 1 LNS 11 HC ***(refd)***
Daimon Banda v. PP [1951] 1 LNS 15 HC ***(refd)***
Daimon Banda v. PP [1951] 1 LNS 14 HC ***(refd)***
Daud Awang Ngah & Ors v. PP [1958] 1 LNS 18 HC ***(refd)***
De Silva v. PP [1964] 1 LNS 32 HC ***(refd)***
Hyecinth Ihejirika v. PP [1994] 1 SLR 360 ***(refd)***
Khoon Chye Hin v. PP [1961] 1 LNS 41 HC ***(refd)***
Malayan Banking Bhd v. The International Tin Council & Anor & Another Case [1989] 2 CLJ 961; [1989] 1 CLJ (Rep) 87 SC ***(refd)***
Mohamed Mokhtar v. PP [1971] 1 LNS 84 HC ***(refd)***
Ng Kok Lian & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 247; [1983] CLJ (Rep) 293 FC ***(refd)***
Ng Yau Thai v. PP [1987] 1 CLJ 358; [1987] CLJ (Rep) 257 SC ***(refd)***
PP v. Adetunji Adeleye Sule [1993] 3 CLJ 113 SC ***(refd)***
PP v. Dato Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(refd)***
PP v. Lin Lian Chen [1990] 2 CLJ 1020; [1990] 2 CLJ (Rep) 746 HC ***(refd)***
PP v. Lin Lian Chen [1992] 2 CLJ 2086; [1992] 2 CLJ (Rep) 285 SC ***(refd)***
PP v. Mansor Md Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC ***(refd)***
PP v. Mohamed Noor Jantan [1979] 1 LNS 77 FC ***(refd)***
PP v. Mohd Jamil Yahya & Anor [1993] 1 LNS 95 HC ***(refd)***
PP v. Yeoh Teck Chye [1981] 1 LNS 93 FC ***(refd)***
R v. Lim Yam Hong (1919) 14 SSLR 152 CA ***(refd)***
R v. Sharp (Colin) [1988] 1 WLR 7 ***(refd)***
Rattan Singh v. PP [1970] 1 LNS 132 HC ***(refd)***
Re Soo Leot [1955] 1 LNS 127 HC ***(refd)***
Soosay Dass v. PP [1951] 1 LNS 88 HC ***(refd)***
Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v. Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor [1999] 2 CLJ 707 FC ***(refd)***
Teoh Hoe Chye v. PP & Another Case [1987] 1 CLJ 471; [1987] CLJ (Rep) 386 SC ***(refd)***
Thavanathan Subramaniam v. PP [1997] 3 CLJ 150 FC ***(refd)***
TN Nathan v. PP [1977] 1 LNS 127 HC ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Corruption Ordinance 1950, s. 13(3)
Courts of Judicature Act 1964, s. 66
Criminal Procedure Code, s. 113(1)(a)(ii)
Dangerous Drugs Act 1952, s. 37A(1)(b)
Evidence Act 1950, ss. 114(b), (g), 133
Penal Code, s. 165
Prevention of Corruption Act 1961, s. 18
Prevention of Corruption Act 1997, ss. 2, 11(a), 12(1), 42(i), 16, 44(1)(a)(iii), (2), 45(1), (2), (3), (6), 46(6)

Bagi pihak pendakwaan - Yaacob Md Sam; TPR
Bagi pihak responden pertama - Arthimulan (Rajadevan & Harmeet Singh bersamanya); T/n Rajadeva & Assocs
Bagi pihak responden kedua - Mohd Firuz Jaffril (Mohd Aris Abdullah bersamanya); T/n Firuz Jaffril Aidil & Zarina

[Penghakiman penting ini telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan pada 11 Februari 2010 melalui kes Rayuan Jenayah No. W-06B-4-2004 Md Razib Othman v. PP. Teks penghakiman telah kami perolehi pada akhir 2014 - Pengarang]

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop H:

[1] Kes terhadap Md Razib bin Othman (orang kena tuduh pertama) telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur sebagai kes nombor 1-61-9-99. Kes terhadap Rahiman bin Selamat (orang kena tuduh kedua) telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur sebagai kes nombor 1-61-10-99. Kes terhadap orang kena tuduh pertama ('OKT1') dan kes terhadap orang kena tuduh kedua ('OKT2') telah dibicarakan bersama-sama dalam satu perbicaraan.

[2] Rayuan-rayuan dalam kes ini adalah berkaitan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam kes-kes tersebut. OKT1 telah dituduh dengan dua tuduhan utama bagi kesalahan di bawah s. 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('APR 1997') dan dua tuduhan pilihan di bawah s. 165 Kanun Keseksaan. Tuduhan-tuduhan terhadap orang kena tuduh pertama adalah seperti berikut:

(i) Tuduhan Pertama:

> Bahawa kamu dari bulan Mei 1998 hingga bulan Disember 1998 bertempat di premis 33C-22-2, Villa Puteri Kondominium, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, sebagai seorang ejen, iaitu seorang Timbalan Pendakwa Raya di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah Malaysia telah secara rasuah menyetuju-terima daripada seorang bernama Razif bin Kamaruddin untuk diri kamu sendiri suatu suapan, iaitu manfaat mendiami di premis tersebut tanpa apa-apa bayaran sebagai suatu dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal principal kamu, iaitu hendak menolong YB. Dato' Saidin bin Thamby, ketika itu Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah supaya tidak didakwa di mahkamah dan kamu dengan itu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah, 1997 yang boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

(ii) Tuduhan Pilihan Pertama:

> Bahawa kamu dari bulan Mei 1998 hingga bulan Disember 1998 bertempat di premis 33C-22-2, Villa Puteri Kondominium, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, sebagai seorang penjawat awam, iaitu, Timbalan Pendakwa Raya di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah Malaysia, Kuala Lumpur telah menyetuju-terima untuk diri kamu suatu benda yang berharga dengan satu balasan yang kamu tahu tidak mencukupi, iaitu manfaat mendiami premis tersebut tanpa

apa-apa bayaran, daripada sorang Razif bin Kamaruddin, yang kamu tahu ianya ada kaitan dengan tugas rasmi kamu, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.

(iii) Tuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 19.5.98 bertempat di Crest Lifestyle Stores, The Mall, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur sebagai seorang ejen, iaitu sebagai seorang Timbalan Pendakwa Raya Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah Malaysia telah secara rasuah menyetuju-terima daripada seorang bernama Razif bin Kamaruddin untuk diri kamu sendiri suatu suapan, iaitu sebuah jam tangan jenama Philippe Charriol bernilai RM4,215.00 sebagai suatu dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal principal kamu, iaitu hendak menolong YB. Dato' Saidin bin Thamby, ketika itu Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah supaya tidak didakwa di Mahkamah dan kamu dengan itu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah, 1997 yang boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

(iv) Tuduhan Pilihan Kedua:

Bahawa kamu pada 19.5.98 bertempat di Crest Lifestyle Stores, The Mall, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, sebagai seorang penjawat awam, iaitu Timbalan Pendakwa Raya di Badan Pencegah Rasuah Malaysia, Kuala Lumpur telah menyetuju-terima untuk diri kamu sendiri suatu barang berharga, iaitu, sebuah jam tangan jenama Philippe Charriol bernilai RM4,215.00 tanpa sebarang balasan daripada seorang Razif bin Kamaruddin, yang mana kamu tahu ianya ada kaitan dengan tugas rasmi kamu, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.

[3] OKT2 telah dituduh dengan satu tuduhan utama bagi kesalahan di bawah s. 11(a) APR 1997 dan satu tuduhan pilihan bagi kesalahan di bawah s. 165 Kanun Keseksaan, seperti berikut:

(i) Tuduhan Utama:

Bahawa kamu pada 17.4.98 bertempat di Syarikat Golden Time, Lot 3.03, Tingkat Tiga, The Mall, 100 Jalan Putra, Kuala Lumpur, sebagai seorang ejen, iaitu, seorang Penolong Penguasa, Badan Pencegah Rasuah Malaysia telah secara rasuah menyetuju-terima daripada seorang bernama Razif bin Kamaruddin untuk diri kamu sendiri suatu suapan, iaitu sebuah jam tangan jenama Rolex Oyster Perpetual bernilai lebih kurang RM3,000.00 sebagai suatu dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal principal kamu, iaitu hendak menolong YB. Dato' Saidin bin Thamby, ketika itu Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah supaya tidak didakwa

A di Mahkamah dan kamu dengan itu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah, 1997 yang boleh dihukum di bawah seksyen 16 Akta yang sama.

(ii) Tuduhan Pilihan:

B Bahawa kamu pada 17.4.98 bertempat di Syarikat Golden Time, Lot 3.03, Tingkat Tiga, The Mall, 100 Jalan Putra, Kuala Lumpur, sebagai seorang penjawat awam, iaitu, Penolong Penguasa, Badan Pencegah Rasuah Malaysia, Kuala Lumpur telah menyetuju-terima untuk diri kamu barangan yang berharga sebuah jam tangan jenama Rolex Oyster Perpetual tanpa sebarang balasan, daripada seorang bernama Razif bin Kamaruddin, yang kamu tahu ianya C ada kaitan dengan tugas rasmi kamu, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.

[4] Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen mendapati D pihak pendakwa hanya berjaya membuktikan kes *prima facie* bagi pertuduhan pertama yang dihadapi oleh OKT1. Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* bagi tuduhan pilihan pertama, tuduhan kedua dan tuduhan pilihan kedua. Mahkamah telah memerintahkan OKT1 membela diri bagi pertuduhan utama pertama, dan melepaskan dan membebaskannya dari lain-lain pertuduhan tersebut.

E

[5] Di akhir kes pembelaan, Hakim Mahkamah Sesyen telah mendapati OKT1 bersalah atas tuduhan utama pertama dan mengenakan hukuman penjara dua tahun dan didenda RM80,000 jika tidak dibayar satu tahun penjara. OKT1 tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen itu dan telah memfailkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman. F Rayuan OKT1 didaftarkan sebagai rayuan jenayah 42A-29-01. Pendakwa Raya Malaysia pula tidak berpuas hati dengan pembebasan OKT1 terhadap tuduhan-tuduhan lain yang dihadapi oleh OKT1 dan telah memfailkan rayuan terhadap pembebasan tersebut. Rayuan itu telah didaftarkan sebagai rayuan jenayah 42A-20-2001.

G

[6] Bagi OKT2 pula, di akhir pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* bagi tuduhan utama dan tuduhan pilihan yang dihadapinya. Hakim Mahkamah Sesyen telah membebaskannya tanpa dipanggil membela diri dari pertuduhan-pertuduhan tersebut. Pendakwa Raya Malaysia telah memfailkan H rayuan terhadap keputusan tersebut yang telah didaftarkan sebagai rayuan jenayah 42A-21-2001.

[7] Timbalan Pendakwa Raya yang mewakili Pendakwaraya dalam rayuan-rayuan ini telah memberitahu mahkamah ini bahawa Pendakwa Raya I Malaysia tidak meneruskan pertuduhan-pertuduhan bagi kesalahan-kesalahan di bawah s. 165 Kanun Keseksaan terhadap OKT1. Ini bererti pihak pendakwaan tidak meneruskan rayuan bagi pertuduhan-pertuduhan pilihan pertama dan kedua terhadap OKT1.

[8] Perlu juga dinyatakan bahawa kes ini telah dibicarakan oleh dua orang Hakim Mahkamah Sesyen. Hakim bicara pertama telah membicarakan kes ini sehingga selesai SP11 memberikan keterangan. Hakim bicara kedua telah mengambil alih perbicaraan mulai dari 5 Februari 2001 dan telah mendengar kes ini dari masa SP1 memberikan keterangan dalam pemeriksaan balas oleh peguam OKT1 sehinggalah selesai perbicaraan dalam kes ini. Jadi bagi keterangan SP1 (yang diberi dalam pemeriksaan utama), keterangan SP2 hingga SP11, hakim bicara kedua bergantung kepada keterangan yang telah direkodkan oleh hakim bicara pertama seperti yang terdapat dalam rekod rayuan kes ini.

[9] Kes Pendakwa Raya banyak bergantung kepada keterangan Razif bin Kamaruddin ('SP1'). Kes Pendakwa Raya adalah seperti berikut. Pada akhir Mac 1998 SP1 diberitahu oleh bapa saudaranya yang dikenali sebagai Pak Jalil (Jalil bin Maasum – tidak dipanggil sebagai saksi) bahawa seorang bernama Dato' Saidin bin Thamby ('SP15') seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah ('BPR'). SP1 dan Jalil tidak mengenali Dato' Saidin. Walaupun begitu mereka berbincang untuk membantu SP15 berhubung kesnya dengan BPR. Dalam perbincangan itu SP1 diberitahu oleh Jalil bahawa dia mengenali seorang pegawai BPR, iaitu, OKT2.

[10] Selang beberapa hari kemudian SP1 telah berjumpa kawannya bernama Zulkifli bin Ahmad dan mendapat tahu bahawa Zulkifli kenal dengan Dato' Saidin. SP1 meminta Zulkifli memperkenalkannya ('SP1') dengan Dato' Saidin.

[11] Zulkifli telah membawa SP1 dan isteri SP1 berjumpa Dato' Saidin di Ibu Pejabat UMNO. Dalam perjumpaan tersebut SP1 memberitahu Dato' Saidin bahawa pak ciknya ('Jalil') ada kawan dalam BPR yang mungkin boleh menolong Dato' Saidin.

[12] Selepas bertemu Dato' Saidin, SP1 berjumpa dan memberitahu Jalil tentang pertemuannya dengan Dato' Saidin. Jalil kemudian memberitahu SP1 dia (Jalil) telah menghubungi OKT2, dan OKT2 telah setuju untuk berjumpa SP1. Kerana SP1 kurang yakin dengan cakap Jalil, SP1 telah menelefon sendiri OKT2 dan memperkenalkan dirinya kepada OKT2 sebagai anak saudara 'Pakcik Jalil' dan meminta untuk berjumpa OKT2. Berikutan itu SP1 telah berjumpa dengan OKT2 pada waktu tengah hari di kawasan di Stadium Hockey, Jalan Damansara.

[13] Selepas pertemuan itu SP1 balik ke rumah dan berjumpa Jalil. Di sebelah petang hari yang sama Jalil mengajak SP1 untuk berjumpa OKT2. SP1, Jalil dan OKT2 telah bertemu pada hari yang sama di Restoran 'The Ship', Pertama Kompleks. Dalam pertemuan tersebut, SP1 telah memberitahu OKT2 tentang kes Dato' Saidin. OKT2 menjawab dia (OKT2) mungkin tidak boleh tolong kerana melibatkan banyak orang. OKT2 menceritakan kepada SP1 bagaimana Dato' Saidin ditangkap. Jalil cuba mempengaruhi OKT2 untuk menolong Dato' Saidin tetapi OKT2 'tidak berapa setuju'.

[14] Menurut SP1, dia berasa kecewa dengan pertemuan itu kerana pada pendapatnya OKT2 mungkin tidak dapat membantu Dato' Saidin. Bila ini dimaklumkan kepada Jalil, dia menjawab masih ada peluang lagi. OKT2 kawan lamanya dan dia akan cuba memujuk OKT2 untuk menolong.

[15] Selepas pertemuan tersebut SP1 dan Jalil bertemu OKT2 sekali lagi dalam bulan April 1998 di tempat yang sama. Dalam pertemuan itu SP1 dan Jalil cuba memujuk OKT2 supaya menolong Dato' Saidin dan mencadangkan supaya OKT menerima sebuah telefon bimbit jenama Star Trek Motorola. OKT2 beberapa kali menolak cadangan untuk menolong Dato' Saidin. Menurut SP1, walau bagaimanapun akhirnya OKT2 menunjukkan tanda-tanda mahu menolong. OKT2 telah memberitahu tentang kes Dato' Saidin dengan panjang lebar.

[16] Pertemuan ketiga antara SP1 dan Jalil dengan OKT2 telah diatur oleh Jalil. Pertemuan itu berlangsung di restoran yang sama, iaitu, 'The Ship', di mana Jalil mencadangkan supaya OKT2 berjumpa dengan Dato' Saidin secara peribadi. SP1 seterusnya telah mengaturkan satu pertemuan antara OKT2 dengan Dato' Saidin. Pertemuan tersebut berlangsung di bilik nombor 212 Hotel Pan Pacific Glenmarie selepas waktu sembahyang maghrib pada 8 April 1998. Urusan tempah bilik dibuat oleh SP1 atas nama SP1 dan dibayar oleh SP1. Jalil dan SP1 turut hadir dalam pertemuan antara OKT2 dengan Dato' Saidin itu.

[17] Dalam pertemuan itu Jalil memberitahu Dato' Saidin bahawa OKT2 boleh membantu beliau. Dato' Saidin bertanyakan perkembangan kesnya. OKT2 memberitahu kes masih di peringkat awal dan dia akan menolong Dato' Saidin hingga kes selesai iaitu hingga ke peringkat di mana seperti biasa BPR akan mengumumkan seseorang itu bersalah atau tidak bersalah di akhbar.

[18] Pada keesokannya SP1 pergi berjumpa Dato' Saidin di mana Dato' Saidin telah memberi SP1 sekeping cek tunai bertarikh 9 April 1998 bernilai RM80,000. Menurut SP1, Dato' Saidin memberitahunya yang dia (Dato' Saidin) tidak mahu tahu dengan siapa SP1 berurusan selepas itu. Yang penting kesnya selesai. Selain dari memberi RM80,000, Dato' Saidin juga berjanji akan membantu SP1 dalam perniagaannya. Dato' Saidin telah mencadangkan kepada SP1 untuk menggunakan tanah di sebelah pejabatnya (pejabat Dato' Saidin) sebagai tapak perniagaan jual beli kereta. Selain dari itu Dato' Saidin juga memberitahu SP1 bahawa Dato' Saidin sanggup mengeluarkan wang sebanyak RM500,000 dalam mengendalikan kes beliau.

[19] Pada 15 April 1998, SP1 menerima sekeping lagi cek tunai dari Dato' Saidin bernilai RM47,000 di pejabat Dato' Saidin. Selain dari itu SP1 juga menerima RM50,000 melalui cek bertarikh 16 Oktober 1998.

[20] SP1 seterusnya memberitahu mahkamah bahawa pada 17 April 1998, dia dan OKT2 telah pergi ke The Mall Shopping Complex di mana mereka telah membeli sebuah jam tangan terpakai jenama Rolex dengan harga RM3,000 untuk OKT2. Harga jam dibayar tunai oleh SP1.

[21] Seterusnya, SP1 memberitahu mahkamah bahawa selain dari OKT2, dia juga mengenali seorang Pegawai BPR, iaitu, OKT1 melalui OKT2. Menurut SP1 dia telah bertemu dengan OKT1 pada kali pertama di Restoran Eden di mana mereka hanya diperkenalkan antara satu sama lain tanpa membincangkan apa-apa berhubung kes Dato' Saidin.

[22] Selepas pertemuan pertama itu SP1 telah berjumpa dengan OKT1 sekali lagi di Hotel Fortuna, Jalan Bukit Bintang di mana SP1 telah diperkenalkan dengan seorang kawan OKT1 bernama Hj Mazlan. Tiada perbincangan berhubung kes Dato' Saidin dibuat dalam perjumpaan ini.

[23] Selepas perjumpaan tersebut SP1 telah bertemu OKT1 lagi. Pertemuan itu berlaku di hotel yang sama, iaitu, Hotel Fortuna. Pertemuan itu berlaku di hujung April 1998 dan OKT2 juga turut hadir dalam pertemuan ini. Dalam pertemuan itu SP1 meminta pertolongan daripada OKT1 untuk menolong Dato' Saidin. OKT1 telah bertanya OKT2 sejauh mana kes Dato' Saidin telah sampai dan diberitahu oleh OKT2 bahawa kes masih dalam peringkat siasatan. OKT1 cuma menganggukkan kepala dan berkata kes masih awal dan masih banyak masa lagi.

[24] Selepas pertemuan itu hubungan di antara OKT1 dan OKT2 sangat rapat. Dalam masa tiga atau empat bulan lepas itu mereka selalu keluar bersama-sama ke tempat-tempat hiburan. Sepanjang tempoh perkenalannya dengan OKT1 dan OKT2, SP1 telah menerima beberapa dokumen berhubung siasatan kes Dato' Saidin dari OKT. Menurut SP1 dia telah menerima salinan dokumen bertajuk Laporan Kes HQ/BPR/KS: 8.3.98 ('P24'), iaitu satu laporan siasatan mengenai kes Dato' Saidin yang didakwa menerima rasuah berjumlah RM1 juta dari Syarikat Nusantara Network Sdn Bhd, sebagai dorongan membantu syarikat tersebut memperolehi projek Selayang Business Park yang dipohon oleh syarikat ini pada tahun 1993. P24 mengandungi keputusan hasil siasatan yang telah dijalankan setakat P24 disediakan pada 8 Mei 1998. P24 juga mengandungi nama-nama 30 orang saksi yang telah dirakamkan percakapan mereka dan tindakan susulan dalam siasatan yang dicadangkan hendak diambil. Menurut SP1, dia juga telah menerima pernyataan dalam pemeriksaan Lee Kah Hoay (Frankie Lee), iaitu Pengarah Nusantara Network Sdn Bhd (P25). Lee Kah Hoay adalah salah seorang saksi yang disebut dalam P24. Menurut SP1, dia telah menerima P24 dan P25 daripada OKT2, di Kondo Villa Putra. Sehubungan dengan P24 dan P25 SP1 menyatakan bahawa dia telah diberitahu oleh OKT1 supaya datang ke kondo tersebut dan OKT1 juga memberitahu SP1 bahawa ada beberapa dokumen yang hendak diserahkan kepadanya. SP1 berkata, apabila dia sampai ke kondo itu OKT1 sudah ada di kondo tersebut dan sejurus selepas itu OKT2 menunjukkan kedua-dua dokumen tersebut dengan diperhatikan oleh OKT1. Menurut SP1, OKT1 telah meneliti kedua-dua dokumen tersebut dan berjanji untuk meneliti pada hari yang lain kerana beliau berpendapat bahawa kes Dato' Saidin itu masih di peringkat awal. SP1 berkata dia telah

menerima pernyataan dalam pemeriksaan Mohdi bin Maslan (P26), dari OKT2 dalam kereta OKT2 di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Mohdi bin Maslan adalah seorang lagi saksi yang disebut dalam P24.

[25] SP1 berkata dia juga telah menerima pernyataan dalam pemeriksaan Dato' Saidin (P27). Menurut SP1, dia juga telah menerima pernyataan dalam pemeriksaan Lee Hock Soon (P28) dari OKT1 di Stadium Hoki, Jalan Duta. Lee Hock Soon adalah seorang lagi saksi yang disebut dalam P24.

[26] Menurut SP1, dia juga telah menerima dari OKT2, pernyataan-pernyataan dalam pemeriksaan, bekas Menteri besar Selangor, Tan Sri Muhammad bin Muhammad Taib (P29 A dan B). Tan Sri Muhamad adalah salah seorang saksi yang disebut dalam P24. Menurut SP1, setahunya OKT1 tinggal di Sri Gombak bersama seorang anggota polis. Pada awal Mei 1998 OKT1 memberitahu SP1 dia terpaksa pindah dari Sri Gombak kerana kawan serumahnya hendak membawa isterinya tinggal bersama. OKT1 memberitahu dia hendak cari rumah atau kondominium yang berdekatan dengan pejabat BPR. SP1 memberitahu OKT2 perkara tersebut. Pada satu hari OKT2 memberitahu SP1 bahawa ada beberapa unit rumah dan kondominium diiklan dalam akhbar. SP1 menyuruh OKT2 menelefon nombor dalam iklan tersebut bertanyakan unit tersebut. Kemudian OKT2 memberitahu SP1 ada sebuah kondo di Villa Puteri yang mungkin sesuai.

[27] Berikutan itu SP1 dan OKT2 telah berjumpa dengan ejen hartanah bernama Karimah Koh @ Koh Siew Kien ('SP10'). SP1 dan OKT2 telah melihat satu unit kondominium yang beralamat 33C-22-2 Villa Puteri Kondominium. Setelah melihat kondo tersebut mereka memberitahu OKT1. Selang beberapa hari kemudian OKT1 telah pergi melihat kondo tersebut bersama OKT2 dan SP1. Setelah OKT1 berpuas hati dengan kondo tersebut, SP1 dan OKT1 pergi berjumpa Puan Karimah Koh (SP10) iaitu ejen pengurusan kondo tersebut untuk menandatangani perjanjian sewa. Satu perjanjian sewa bertarikh 9 Mei 1998 telah ditandatangani antara SP1 dengan Olivile Express (M) Bhd iaitu tuan punya kondominium berkenaan. Sewa bulanan yang dipersetujui adalah RM1,900 sebulan.

[28] Semasa perjanjian sewa ditandatangani SP1 membayar RM3,800 sebagai deposit sewa, dan RM1,500 sebagai utiliti deposit. Kerana unit yang disewa tidak mempunyai peralatan rumah, SP1 telah melengkapkan kondo tersebut dengan peralatan rumah seperti peti televisyen, video player, sofa, meja makan, peti ais, tilam dan bantal. Semua peralatan-peralatan tersebut telah dibeli dari Karimah Koh dan dibayar oleh SP1. Harga peralatan-peralatan ini adalah RM2,382.40. Selain dari itu, SP1 membayar RM250 kepada Karimah Koh untuk memasang blind di bilik tidur utama dan juga dapur.

[29] OKT1 mula tinggal di kondo tersebut dari Mei 1998 hingga Disember 1998. Sewaan bulanan dari Mei 1998 hingga Disember 1998 dibayar oleh SP1. Bayaran dibuat dengan cara tunai dan kadang kala dimasukkan

terus dalam akaun bank oleh SP1. Menurut SP1, dia telah menanggung bayaran sewa kondo tersebut untuk memuaskan hati OKT1, supaya dia dapat membantu kes Dato' Saidin.

[30] Pada 19 Mei 1998 SP1 dan OKT1 telah pergi ke satu kedai jam di The Mall di mana OKT1 membeli sebuah jam tangan jenama Philippe Charriol. Harga jam tersebut RM4,000 lebih telah dibayar oleh SP1.

[31] Seperti yang telah dinyatakan, dalam tempoh SP1 berkenalan dengan kedua-dua OKT, SP1 menerima dari mereka dokumen-dokumen penting termasuk kenyataan-kenyataan saksi dalam kes Dato' Saidin. SP1 setelah membuat salinan kenyataan-kenyataan tersebut dan telah memberinya kepada Dato' Saidin.

[32] Menurut SP1, OKT1 telah berpindah dari kondo tersebut dalam bulan Januari 1999. OKT1 memberitahu SP1 bahawa pada waktu tersebut beliau berada dalam keadaan "tension" dan ingin pindah dari kondo tersebut. Bila SP1 tanya OKT1 sama ada itu ada hubungan dengan kes Dato' Saidin, OKT1 tidak menjawab.

[33] SP1 berkata setelah OKT1 keluar daripada kondo itu, hubungannya dengan OKT1 dan OKT2 tidak serapat seperti sebelum itu. Menurut SP1, ini adalah kerana setiap kali apabila dia bertanya OKT1 tentang kes Dato' Saidin, OKT1 akan memberi jawapan yang berlainan dari jawapan yang SP1 terima daripada OKT2.

[34] Seterusnya SP1 berkata, dia kemudiannya terbaca dalam akhbar bahawa Dato' Saidin telah dituduh di Mahkamah Shah Alam. Selepas Dato' Saidin dituduh, SP1 telah berhubung dengan beliau bertanyakan kesihatan dan perihal kes beliau. Menurut SP1, dengan nada sedih Dato' Saidin menjawab, "apa nak buat mereka sudah hendak charge, kita ikut sahaja". SP1 berkata dia telah memohon maaf dari Dato' Saidin dan memberitahu Dato' Saidin bahawa dia telah menjalankan tugasnya tetapi OKT1 dan OKT2 telah mengkhianatinya.

[35] Menurut Penguasa Kanan BPR, Abdul Aziz b Ishak ('SP17'), berdasarkan maklumat yang diterimanya, pada 29 Oktober 1999, dia telah membuat laporan kes – iaitu laporan No. 68/99. Hakim bicara kedua memutuskan bahawa laporan tersebut bukan first information report dan tidak boleh diterima masuk dalam keterangan. Menurut SP17, berdasarkan siasatan yang dibuat, dia telah menangkap SP1 pada 11 November 1999. Selepas menangkap SP1, SP17 telah membuat pemeriksaan di rumah SP1 di B2-01-8 Vista Commonwealth, Bukit Jalil, Sri Petaling, Kuala Lumpur. Di antara dokumen yang dirampas oleh SP17 di alamat tersebut ialah tiga keping salinan fotostat kertas minit empat, lima, enam bertanda sulit ('P19'). Selain dari itu, SP17 juga telah membuat pemeriksaan di rumah No. 20, Jalan 18, Taman Selayang, Batu Caves, Selangor. Menurut SP1 rumah ini adalah rumah bapanya. Di dalam pemeriksaan di rumah tersebut, di dalam kehadiran SP1, SP17 antara lainnya telah merampas P16, P24, P25, P26,

P27, P28 dan P29 yang telah dikeluarkan sendiri oleh SP1 dari sebuah almari. Menurut SP17, OKT2 telah ditangkap pada 12 November 1999 dan OKT1 telah ditangkap pada 19 November 1999.

[36] Menurut Penguasa BPR Izani bin Wah Ishak ('SP7'), pada 12 November 1999 dia telah membuat pemeriksaan di rumah OKT2 dan antara lainnya telah merampas satu jam Rolex Oyster ('P7') yang telah diserahkan oleh OKT2.

[37] Menurut keterangan Penguasa Kanan BPR, Mohd Yusof b Md Zain (SP14), pada 12 November 1999 sebelum pergi ke rumah OKT1, beliau telah berjumpa OKT1 di pejabatnya. SP14 telah memberitahu OKT1 tentang dakwaan rasuah terhadapnya. SP14 memberitahu OKT1 bahawa dia disiasat bagi kes rasuah. Menurut SP14 juga, dia memberitahu OKT1 bahawa dia datang untuk mendapatkan jam tangan yang dikatakan diberi oleh seorang bernama Razif. OKT1 telah membuka jam yang sedang dipakainya dan menyerahkannya kepada SP14. Jam tangan tersebut Philippe Charriol ('P14') telah diserahkan oleh SP14 kepada SP17 pada 13 November 1999.

[38] Kes Pendakwa Raya banyak bergantung kepada keterangan SP1. Dari hujah Timbalan Pendakwa Raya dan peguam-peguam bagi OKT1 dan OKT2, saya dapati mereka mempunyai pendirian yang sama tentang satu aspek – bahawa SP1 adalah rakan sejenayah. Dalam pengamatan saya mereka membuat pendirian sedemikian dengan pemikiran bahawa kedudukan undang-undang mengenai rakan sejenayah di bawah APR 1997 tidak berbeza dengan kedudukan undang-undang mengenai rakan sejenayah yang terpakai sebelum APR 1997 berkuatkuasa. Dengan pendirian sedemikian mereka telah berhujah dengan panjang lebar tentang soal-soal corroboration dan kredibiliti SP1. Berdasarkan kepada hujah yang telah dikemukakan oleh peguam-peguam OKT1 dan OKT2 dan Timbalan Pendakwa Raya, isu penting yang timbul untuk diputuskan oleh mahkamah ini ialah sama ada SP1 adalah rakan sejenayah (accomplice) dan apakah kedudukan undang-undang mengenai keterangan SP1 di bawah APR 1997? Selain itu, mahkamah juga perlu memutuskan penerimaan dalam keterangan pernyataan OKT1 di bawah s. 45(1) APR 1997 (D45) dan kesan undang-undang mengenai D45.

[39] Peruntukan mengenai rakan sejenayah dan ejen provokasi terkandung di bawah s. 44 APR 1997. Seksyen tersebut memperuntukkan:

> (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini:
>
> (a) tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana saksi itu telah:
>
> (i) menyetuju-terima, memperoleh, meminta, bersetuju untuk menyetuju-terima atau menerima, atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan daripada mana-mana orang;

(ii) memberikan, menjanjikan, menawarkan atau bersetuju untuk memberikan apa-apa suapan; atau

(iii) telah dengan apa-apa cara terlibat dalam pelakuan kesalahan itu atau tahu tentang pelakuan kesalahan itu;

(b) tiada ejen provokasi, sama ada dia pegawai Badan atau tidak, boleh dianggap tidak boleh dipercayai semata-mata kerana dia telah cuba melakukan, atau bersubahat dalam, telah bersubahat dalam atau terlibat dalam komplot jenayah untuk melakukan, kesalahan itu jika tujuan utama percubaan, persubahatan atau penglibatan itu ialah untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu; dan

(c) apa-apa pernyataan, sama ada lisan atau bertulis yang dibuat kepada seseorang ejen provokasi oleh orang itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, sesuatu sabitan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang berasaskan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana rakan sejenayah atau ejen provokasi tidaklah tak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan hanya kerana mahkamah yang membicarakan kes itu telah tidak menyebut dalam alasan penghakimannya keperluan supaya mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan pada keterangan sedemikian.

[40] Seksyen 44(1) adalah peruntukan mengenai keterangan rakan sejenayah. Dalam pengamatan saya peruntukan di bawah seksyen tersebut adalah jauh lebih luas dari peruntukan mengenai keterangan rakan sejenayah di bawah s. 18 Akta Pencegahan Rasuah 1961 ('APR 1961') yang telah dimansuhkan oleh APR 1997. Untuk menghuraikan skop s. 44(1)(a) APR 1997 dan kedudukan keterangan rakan sejenayah di bawah seksyen tersebut, ada manfaatnya direnung kembali kedudukan undang-undang mengenai keterangan rakan sejenayah di bawah Akta Keterangan 1950 dan s. 18 APR 1961.

[41] Di Malaysia undang-undang yang memperuntukkan tentang keterangan seorang rakan sejenayah terkandung di bawah s. 133 dan s. 114(b) Akta Keterangan 1950 (lihat *Ng Yau Thai v. PP* [1987] 1 CLJ 358; [1987] CLJ (Rep) 257; [1987] 2 MLJ 214 SC).

[42] Seksyen 114(b) Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa mahkamah boleh menganggap bahawa seseorang rakan sejenayah itu tidak boleh dipercayai melainkan keterangannya disokong dalam butir-butir yang material:

... the court may presume that an accomplice is unworthy of credit unless he is corroborated in material particulars.

[43] Seksyen 133 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa seorang rakan sejenayah adalah saksi yang kompeten terhadap seseorang yang tertuduh; dan suatu sabitan itu tidaklah tak sah semata-mata kerana ia dibuat atas keterangan seorang rakan sejenayah yang tidak disokong:

> An accomplice shall be a competent witness against an accused person; and a conviction is not illegal merely because it proceeds upon the uncorroborated testimony of an accomplice.

[44] Ketika menghuraikan s. 114(b) dan s. 133 Ordinan Keterangan yang adalah serupa peruntukannya dengan ss. 114(b) dan 133 Akta Keterangan 1950, dalam kes *R v. Lim Yam Hong* (1919) 14 SSLR 152, ms. 154 to 160; Mahkamah Rayuan telah menyatakan:

> The statute law regarding accomplices evidence is to be found in sections 114, illustration (b) and 133 of the Evidence Ordinance.
>
> It had never been contended, so far as I am aware, that our local law on this point (as to the necessity of corroboration) differs from the law administered in England, and English decisions are therefore clearly relevant as regards general principles, and their application to particular cases.
>
> The principles to be acted on by a judge sitting with a jury have been crystallized in the judgment of the Criminal Court of Appeal in the case of *Bakerville* [1916] 2 KB 658, where a very large number of previous decisions were cited and discussed, and this judgment may be regarded as the latest authoritative statement of the law. At page 663 it is said:
>
> > There is no doubt that the uncorroborated evidence of an accomplice is admissible in law, see *R v. Atwood* [1787] 1 Leach 464, but it has long been a rule of practice in common law for the judge to warn the jury of the danger of convicting a prisoner on the uncorroborated testimony of an accomplice or accomplices, and, in the discretion of the judge, to advise them not to convict upon such evidence, but the judge should point out to the jury that it is within their legal province to convict upon such unconfirmed evidence: *R v. Stubbs* [1855] Dears 555; *In re Meunier* [1894] 2 QB 415. This rule of practice has become virtually equivalent to a rule of law, and since the Criminal Act came into operation, this court has held that, in the absence of such warning by the judge, the conviction must be quashed: *R v. Tate* [1908] 2 KB 680. If, after the proper caution by the judge, the jury nevertheless convicted the prisoner, this Court will not quash the conviction merely upon the ground that the accomplice's testimony was uncorroborated.

[45] Di bawah s. 18 APR 1961, seseorang saksi itu tidak boleh dianggap sebagai tidak boleh dipercayai (unworthy of credit) hanya semata-mata kerana dia telah membayar atau memberikan apa-apa suapan:

> Notwithstanding any rule of law or written law to the contrary, no witness shall, in any such trial or inquiry as is referred to in section 17, be presumed to be unworthy of credit by reason only of any payment or delivery by him or on his behalf of any gratification to an agent or member of a public body.

[46] Pada keseluruhannya seksyen tersebut adalah serupa dengan s. 13(3) Ordinan Pencegah Rasuah 1950 yang memperuntukkan:

> Notwithstanding any rule of law or written law to the contrary, no witness shall, in any such trial or inquiry as is referred to in sub-section (1) of this section, be presumed to be unworthy of credit by reason only of any payment or delivery by him or on his behalf of any money, gift or other consideration to an agent.

[47] Oleh yang demikian pada hemat saya kes-kes yang diputuskan mengenai s. 13(3) Ordinan Pencegah Rasuah 1950 boleh digunakan untuk mentafsirkan pemakaian s. 18 Akta Pencegah Rasuah 1961.

[48] Dalam kes *Daimon Banda v. PP* [1951] 1 LNS 15; [1953] MLJ 23, tafsiran mengenai pemakaian dan skop s. 13(3) Ordinan Pencegah Rasuah 1950 telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan. Dalam penghakimannya di ms. 24 hingga 25, Foster-Sutton HB telah menyatakan:

> The law here is the same as in the United Kingdom. The uncorroborated evidence of an accomplice is admissible in law, but it is the practice for the Judge to direct himself, or the jury, as the case may be, of the danger of convicting an accused person on the uncorroborated testimony of an accomplice or accomplices. As has often been said, this rule of practice has become virtually equivalent to a rule of law. If, however, after such a direction the Judge or jury convict, the Court of Appeal will not quash the conviction merely upon the ground that the accomplice's testimony was uncorroborated.
>
> That then was the position before the Prevention of Corruption Ordinance, 1950, became law. Sub-section (3) of section 13 of that Ordinance reads as follows:
>
> > Notwithstanding any rule of law or written law to the contrary, no witness shall, in any such trial or inquiry as is referred to in sub-section (1) of this section, be presumed to be unworthy of credit by reason only of any payment or delivery by him or on his behalf of any money, gift or other consideration to an agent.
>
> Before its enactment, the principle laid down by "Illustration (b)" of section 114 of the Evidence Enactment would have applied to any person abetting the commission of an offence against the provisions of section 165 of the Penal Code.
>
> It was contended on behalf of the Public Prosecutor that sub-section (3) of section 13 of the Prevention of Corruption Ordinance abrogates the rule relating to accomplices in so far as the offences referred to in sub-section (1) of the section are concerned, and that being so, even, if the person who pays the bribe is the person who corrupts the public officer into receiving it, he is not now required to be regarded as a person whose evidence is unworthy of credit unless it is corroborated in a material particular. It was also urged, on behalf of the Public Prosecutor, that the word, "only" in sub-section (3) of the section qualified the word "reason" which immediately precedes it and not the subsequent words "payment or delivery".

A In our view, the legislation in question does not go as far as contended by the Public Prosecutor. Before its enactment the mere fact that a person had made an improper payment to a public officer would have necessitated his being regarded as an accomplice to the offence in criminal proceedings against such officer under section 165 of the Penal Code, even although he had taken no part in corrupting the officer into receiving
B the bribe.

We agree with Taylor, J, that the effect of the new provision is that, in corruption cases, a person is no longer to be presumed unworthy of credit merely by reason of the fact that he has made, or caused to have made, an improper payment.

C *If however, he has taken some more infamous part in the transaction, for example actively corrupted the public officer into accepting the bribe, the new provision does not cover his testimony.* To go as far as contended for on behalf of the Public Prosecutor would, in our opinion, be going beyond the fair sense of the language employed by the Legislature. If the person who pays the bribe is also the person who corrupts the public officer into receiving it, then
D the tests to be applied to his evidence are the same now as before. Not by reason of the fact that he paid the money, but because he played a part in the transaction not covered by the exception provided in subsection (3) of the Prevention of Corruption Ordinance.

[49] Bagaimana s. 13(3) Ordinan Pencegah Rasuah itu digunakan telah
E juga dijelaskan oleh Taylor H dalam kes *Soosay Dass v. PP* [1951] 1 LNS 88; [1951] MLJ 57, di ms. 58:

These cases, however, were all prior to the Prevention of Corruption Ordinance 1950, section 13(3) which provides that in corruption cases a person shall not be presumed to be unworthy of credit by reason only of any corrupt payment of money by him. This modifies the law as to
F accomplices to this extent only – that where there is no reason for calling a man an accomplice excepting the fact that he paid a bribe the Court may, in its discretion and if in the circumstances it feels it safe to do so, act on his evidence without corroboration. The Ordinance does not in terms so provide but in my opinion it is necessary, in any case where this sub-
G section is applied, that the Magistrate should clearly state which of the witnesses he considers to be accomplices and why, and which of those witnesses he considers to be within the sub-section. The section does not abrogate the established practice nor does it apply to accomplices generally; it simply defines particular class of accomplice whose complicity is not serious enough necessarily to raise a presumption of discredit.

H Counsel for the Public Prosecutor said that my judgment in *Daimon*'s case (3) had been read to mean that a man who pays voluntarily is within the sub-section but that a man who pays under pressure is not. I never used any expressions which could bear that meaning. Every judgment must be read as governed by the facts of the case – *Quinn v. Leathern* (4). In *Daimon*'s
I case there could have been no pressure at the date of the payment, so my judgment in the case relates only to volunteers.

In this case the workmen paid under pressure, so I now express my opinion on that aspect. A

A man who becomes an accomplice only under pressure is less seriously discredited than a man who becomes an accomplice voluntarily. The workmen in this case paid under pressure and are within the section.

[50] Sebab kenapa s. 18 APR 1961 itu diwujudkan telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ng Kok Lian & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 247; [1983] CLJ (Rep) 293; [1983] 2 MLJ 379. Dalam penghakimannya Mahkamah Persekutuan menyatakan di ms. 380: B

Section 18 of the Prevention of Corruption Act 1961 is as follows: C

> 18. Notwithstanding any rule of law or written law to the contrary, no witness shall, in any such trial or inquiry as is referred to in section 17, be presumed to be unworthy of credit by reason only of any payment or delivery by him on behalf of any gratification to an agent or member of a public body.

D

Historically this provision is the re-enactment of section 13(3) of Prevention of Corruption Ordinance, 1950, which was wholly replaced by the 1961 Act. This provision was introduced in the 1950 Ordinance for the first time. Prior to this Ordinance, neither the FMS. Prevention of Corruption Enactment (see FMS Enactment No. 23/1938) nor those of the Unfederated Malay States nor the Ordinance of the Straits Settlements (SS Ordinance No. 41/1937) contained such provision. In Singapore the provision was introduced for the first time as section 24 in the Prevention of Corruption Ordinance No. 39.1960, the revised version of which is the Act No. 27/72 (Cap. 104). Until the passing of the 1960 Ordinance, the law on this subject was the SS Ordinance No. 41 of 1937, which was the same as the FMS Enactment No. 23 of 1938. The corresponding legislation of the United Kingdom, ie, Prevention of Corruption Acts, 1906, 1916 and Public Bodies Corrupt Practices Act, 1889 upon which the Malaysian and Singapore legislation was based contain no such provision. It is, therefore, clear that this provision is a Malayan innovation introduced for the first time in Malaya in 1950 and accepted by Singapore in 1960. E F G

What was then the reason for introducing this provision for the first time? According to the then Attorney-General, Mr Stafford Foster-Sutton, whose opinion was printed as objects and reasons for the introduction of the bill to enact the 1950 Ordinance, a giver of a bribe is in strict law an accomplice and if corroboration of his evidence is required in any case it would lead to unjust acquittal of the accused. Hence it is considered that the presumption against an accomplice's evidence should have no application to "such offence as the giving of bribes". (FM Gazette Supplement No. 185/1950 dated January 24, 1950). H

The concern expressed by the Attorney-General must have been due to the then prevailing practice of the courts in invariably acquitting the accused on a mere issue raised by the defence that the giver of the bribe was an accomplice without even bothering to examine the giver's I

A evidence. Such practice is clearly reflected in *Public Prosecutor v. Haji Ismail & Anor*. In that case the Kuala Langat Magistrate acquitted the accused of a charge under section 161 of the Penal Code upon a submission of their counsel to the effect that prosecution witnesses were accomplices and that being the case the presumption under section 114(b) of the Evidence Ordinance as to the unworthiness of belief of the testimony of
B an accomplice should be automatically applied. Cussen J who heard the appeal by the Public Prosecutor castigated this approach in the following words, at page 79:

> There is no question of the mechanical application of any general rule of presumption. When it is a question of this particular
C presumption, the credibility of the witness who is in the position of an accomplice must be individually judged just as any other witness, the same considerations being applied, with the added one that he is an accomplice. The Court must consider who and what he is, his demeanour, bearing, the manner and quality and substance of his evidence in itself and in relation to all the
D circumstances of the case. The nature, quality and degree of his complicity must be examined. Then finally the Court must form its opinion whether he is to be given credit and his evidence accepted without corroboration or not.
>
> He is a competent witness and as such is entitled to have his
E credibility judged in itself; his evidence must be weighed and examined and not put aside unjudged and unconsidered because he is an accomplice.

It would, therefore, be seen that section 13(3) of the 1950 Ordinance was introduced purely to rectify the judicial tendency of acquitting the accused
F on the slightest pretext that the prosecution witness was an accomplice and, therefore, unworthy of credit without even bothering to examine the evidence properly to determine whether the witness was in fact an accomplice.

[51] Selanjutnya, Mahkamah Persekutuan juga telah merujuk kepada penghakiman Taylor H dalam kes *Daimon Banda v. PP* [1951] 1 LNS 14; [1951] MLJ 11 (yang telah dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan dalam
G *Daimon Banda v. PP* [1951] 1 LNS 15; [1953] MLJ 23), dan menyatakan bahawa:

> The effect of this provision came to be the main issue in *Daimon bin Banda v. Public Prosecutor*. In that case a police detective was convicted of receiving
H $100 bribe upon the evidence of witnesses who were clearly and undisputedly accomplices and not independently corroborated. In the appeal before Taylor J the prosecution sought to support the conviction by relying upon the provision of section 13(3) of the 1950 Ordinance contending that by virtue of the provision the rule as to accomplice's evidence in the trial of corruption cases did not apply at all. Taylor J
I rejected the prosecution's submission and allowed the detective's appeal. In his judgment the learned Judge said the following:

> That provision, however, does not abrogate the rule. It introduces only a limited modification. It does not apply to accomplices generally. The word 'accomplice' does not appear in the subsection. The effect of the new provision is that in corruption cases the mere fact that a man has made an improper payment is not by itself enough to brand the man as a person whose evidence, if uncorroborated, is probably untrustworthy. If the man has taken part in the transaction in such a way as to show that, apart from the bare payment, he was an accomplice, then the ordinary rule applies.
>
> The subsection is in the nature of an exception to a standing rule of evidence and, as an exception, it must be construed strictly. It must not be extended.

By a certificate this issue came before the Court of Appeal. (See [1953] MLJ 23). By then Mr Foster-Sutton who was Attorney-General when the 1950 Ordinance was passed became the Chief Justice. In delivering the judgment of the Court of Appeal, the learned Chief Justice expressed his agreement with Taylor J and also reiterated his earlier view expressed when he was the Attorney-General. He said, at p. 24:

> In our view, the legislation in question does not go as far as contended by the Public Prosecutor. Before its enactment the mere fact that a person had made an improper payment to a public officer would have necessitated his being regarded as an accomplice to the offence in criminal proceedings against such officer under section 165 of the Penal Code, even although he had taken no part in corrupting the officer into receiving any bribe.
>
> *We agree with Taylor, J, that the effect of the new provision is that, in corruption cases, a person is no longer to be presumed unworthy of credit merely by reason of the fact that he has made, or caused to have made, an improper payment.*
>
> *If, however, he has taken some more infamous part in the transaction, for example actively corrupted the public officer into accepting the bribe, the new provision does not cover his testimony.*

We have traced the history of the provision and analysed its effect upon the existing law as to the accomplice's evidence at length. This is done for no other purpose than to show that the provision does not change the law as to accomplice's evidence at all. The limited modification or an exception referred to by Taylor J is nothing more than a legislative design to obviate the practical difficulties which the prosecution used to encounter prior to the passing of the 1950 Ordinance because of the ever increasing readiness of the courts to hold a giver of a bribe to be an accomplice irrespective of the circumstances in which it was given. *This provision, therefore, is serves as a reminder to the courts of their duty to examine the evidence of the witness who gives the bribe closely before arriving at a decision that he is an accomplice, and not to automatically apply the rule as to an accomplice's evidence as was done by the Kuala Langat Magistrate in Public Prosecutor v. Haji Ismail & Anor*, (*supra*).

[52] Peruntukan di bawah s. 18 APR 1961 itu menghendaki mahkamah menimbangkan dengan teliti keterangan seseorang saksi yang telah memberi rasuah sebelum memutuskan sama ada dia seorang rakan sejenayah dan bukan mengguna pakai secara otomatik kaedah tentang penerimaan keterangan seorang rakan sejenayah.

[53] Siapakah yang termasuk dalam golongan rakan sejenayah tidak ditakrifkan oleh APR 1961. Menurut Buhagiar H dalam kes *Re Soo Leot* [1955] 1 LNS 127; [1956] MLJ 54, 55-56:

> The question 'who is an accomplice' has been fully dealt with by the House of Lords in *Davies v. Director of Public Prosecutions* [1954] 1 All ER 507. The principles laid down in this case may be briefly stated as follows:
>
> > The following person, if called as witnesses for the prosecution, have been treated as falling within the category of accomplice for the purpose of the rule that a judge ought to warn juries about the evidence of an accomplice:
> >
> > 1. On any view, persons who are *participes criminis* in respect of the actual crime charged, whether as principals or accessories before of after the fact (in felonies) or persons committing, procuring or aiding and abetting (in the case of misdemeanours). This is the natural and primary meaning of the term 'accomplice'. But in two cases, persons falling strictly outside the ambit of this category have, in particular decisions, been held to be accomplices for the purposes of the rule, *viz*:
> > 2. Receivers have been held to be accomplices of the thieves from whom they receive goods on a trial of the latter for larceny.
> > 3. When X has been charged with a specific offence on a particular occasion, and evidence is admissible, and has been admitted, of his having committed crimes of this identical type on other occasions, as proving system and intent and negativing accident; in such cases the court has held that in relation to such other similar offences, if evidence of them were given by parties to them, the evidence of such other parties should not be left to the jury without a warning that it is dangerous to accept it without corroboration.

[54] KC Vohrah H dalam penghakimannya dalam kes *PP v. Mohd Jamil Yahya & Anor* [1993] 1 LNS 95; [1993] 3 MLJ 702, di ms. 711 juga telah memberikan pandangan untuk menjawab persoalan siapakah seorang accomplice:

> But how does one determine whether a person is an accomplice? As pointed out in 2 *Sarkar* at p. 1280:
>
> > The point for determination appears to be *whether the witness entered into the conspiracy with the sole object of detecting and betraying it or whether he is a person who concurred fully in the criminal design of his co-conspirators for a time and joined in the execution of these till out of fear or for some other reason he withdrew from the conspiracy and gave information to the authorities.* If he extends, no aid to the prosecution until after the offence has been committed, he would be an accomplice. If he

originally joined the conspiracy with the sole object of taking part in the crime, he cannot change his position to that of an informer by subsequently giving information of the crime (see *Karim v. R* 9L 550; *Pulin v. R* 16 CWN 1105, 1148; *R v. Chaturbhuj* 38 C 96; *Mohan Lan v. R A* 1947 N 109.

[55] Dalam kes *Mohamed Mokhtar v. PP* [1971] 1 LNS 84; [1972] 1 MLJ 122, di ms. 123, Sharma H menjelaskan:

A number of grounds of appeal have been put forward, the most important of them being that the complainant PW12 was an accomplice and that even if he was not an accomplice he at any rate was a participant in the crime and therefore there should be sufficient corroboration of his evidence. I am unable to say how PW12 can, by any stretch of imagination, be called an accomplice. At the most he may be called a trap witness. The whole object of the Prevention of Corruption Act would be nullified if any public-spirited person decided to go the Anti-Corruption Agency to tell them that a public officer had demanded a bribe from him and if as a result of his information to the Anti-Corruption Agency a trap was set against the officer in question by asking the member of the public to go and pay the bribe demanded to the said officer.

[56] Kesimpulan yang boleh dibuat dari kes-kes yang tersebut terutama kes *Daimon Banda* ialah bahawa di bawah s. 18 APR 1961, memberi rasuah sahaja tidak menjadikan seseorang saksi itu dianggap unworthy of credit, melainkan dia juga telah mengambil bahagian yang aktif (infamous part) untuk merasuah seseorang penjawat awam. Jika apa yang dilakukannya hanyalah memberi rasuah, mahkamah boleh, dalam menjalankan budi bicaranya bertindak atas keterangan saksi itu tanpa sokongan jika dalam keadaan kes itu mahkamah itu berpuas hati bahawa adalah selamat untuk berbuat demikian (lihat *Soosay Dass v. PP* [1951] 1 LNS 88; [1951] MLJ 57, 58).

[57] APR 1997 tidak mengekalkan peruntukan di bawah s. 18 APR 1961. Sebaliknya, APR 1997 telah mengadakan peruntukan di bawah s. 44. Seperti yang dapat dilihat, peruntukan di bawah s. 44(1)(a) APR 1997 adalah jauh lebih luas dari peruntukan di bawah s. 18 APR 1961. Di bawah s. 18 APR 1961, seseorang saksi itu tidaklah boleh dianggap tidak boleh dipercayai semata-mata kerana dia telah membuat bayaran rasuah. Seksyen 44(1)(a) tidak lagi menggunakan perkataan "no witness shall be presumed to be unworthy of credit". Sebaliknya, seksyen tersebut menggunakan perkataan-perkataan "tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana". Ini adalah perbezaan pertama yang amat ketara di antara s. 18 APR 1961 dan s. 44(1)(a) APR 1997. Seksyen 44(1)(a) menyatakan bahawa tiada saksi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah hanya semata-mata kerana saksi itu telah:

(i) Menyetuju terima, memperoleh, meminta, bersetuju untuk menyetuju terima atau menerima, atau cuba untuk memperoleh apa-apa suapan daripada mana-mana orang;

(ii) Memberikan, menjanjikan, menawarkan atau bersetuju untuk memberikan apa-apa suapan; atau

(iii) Telah dengan apa-apa cara terlibat dalam perlakuan kesalahan itu atau tahu tentang pelakuan kesalahan itu.

[58] Perkataan-perkataan "telah dengan apa-apa cara terlibat dalam perlakuan kesalahan itu atau tahu tentang perlakuan kesalahan itu" yang jelas di bawah s. 44(1)(a)(iii) APR 1997 itu adalah amat luas makna dan jangkauannya. Tiada terdapat kesamaran di dalam perkataan-perkataan yang telah digunakan itu. Di dalam mentafsir sesuatu akta Parlimen, di mana perkataan-perkataan yang digunakan adalah jelas, maka kaedah tafsiran literal dan strict hendaklah digunakan. (Lihat *Malayan Banking Bhd v. The International Tin Council & Anor & Another Case* [1989] 2 CLJ 961; [1989] 1 CLJ (Rep) 87; [1989] 3 MLJ 286, di ms. 288 (SC), *Becke v. Smith* (1836) 2 M & W 191, ms. 199, *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v. Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor* [1999] 2 CLJ 707; [1999] 2 MLJ 241 (FCJ)). Oleh itu dalam mentafsir s. 44(1)(a) APR 1997 kaedah tafsiran yang wajar digunakan ialah kaedah tafsiran literal dan strict. Dalam penghakiman saya peruntukan itu membawa erti bahawa penglibatan seseorang itu dalam pelakuan kesalahan itu dengan apa-apa jua cara sekali pun tidak menjadikannya seorang rakan sejenayah.

[59] Dengan menggunakan perkataan-perkataan "walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan" di bawah s. 44(1) APR 1997, peruntukan di bawah seksyen tersebut mengatasi mana-mana undang-undang yang lain (Undang-undang bertulis dan rukun undang-undang yang berlawanan). Di bawah s. 44(1)(a) APR 1997, perbezaan di antara seorang yang hanya telah membuat "improper payment" dengan seorang yang telah melakukan apa yang dikategorikan sebagai "some more infamous part" dalam sesuatu transaksi pemberian suapan secara rasuah, yang dijelaskan dalam kes *Daimon Banda v. PP*, nampaknya tidak lagi terpakai. Sama ada seseorang itu hanya telah membuat "improper payment" atau telah melakukan apa yang dikategorikan sebagai "some more infamous part", atau telah dengan apa-apa cara terlibat dalam perlakuan kesalahan itu, dia tidak boleh dianggap sebagai rakan sejenayah. Jika seseorang itu tidak boleh dianggap rakan sejenayah, maka peruntukan di bawah s. 133 Akta Keterangan 1950 dan rukun undang-undang yang diputuskan oleh penghakiman-penghakiman mahkamah tentang kaedah-kaedah penerimaan keterangan rakan sejenayah yang tidak disokong tidak lagi terpakai. Peruntukan di bawah s. 133 Akta Keterangan 1950 telah pun saya nyatakan di bahagian lain dalam penghakiman ini. Prinsip yang terkandung di bawah peruntukan tersebut juga telah saya rujuk. Secara ringkasnya – keterangan rakan sejenayah yang tidak disokong boleh diterima masuk dalam keterangan dari segi undang-undang. Tetapi ianya telah menjadi kaedah amalan dan prudence bahawa mahkamah hendaklah mengingatkan dirinya (warn itself) tentang bahaya membuat sabitan atas keterangan rakan sejenayah yang tidak

disokong. Jika, selepas mengingatkan dirinya sedemikian itu mahkamah itu yakin dengan keterangan rakan sejenayah itu dan membuat sabitan atas keterangan rakan jenayah yang tidak disokong itu, Mahkamah Rayuan tidak akan membatalkan sabitan itu hanya atas alasan bahawa keterangan rakan sejenayah itu tidak disokong. (lihat *R v. Lim Yam Hong* (1919) 14 SSLR 152 (CA), *Daimon Banda v. PP* [1951] 1 LNS 15; [1953] MLJ 23, (CA), *Daud Awang Ngah & Ors v. PP* [1958] 1 LNS 18; [1958] MLJ 168 (CA), *Chandrasekaran & Ors v. PP* [1970] 1 LNS 11; [1971] 1 MLJ 153, *PP v. Yeoh Teck Chye* [1981] 1 LNS 93; [1981] 2 MLJ 176 (FC), *Ng Yau Thai v. PP* [1987] 1 CLJ 358; [1987] CLJ (Rep) 257; [1987] 2 MLJ 214 (SC), *Soosay Dass v. PP* [1951] 1 LNS 88; [1951] MLJ 57, *Rattan Singh v. PP* [1970] 1 LNS 132; [1971] 1 MLJ 162, *TN Nathan v. PP* [1977] 1 LNS 127; [1978] 1 MLJ 134). Berikutan dengan kaedah amalan dan prudence itu, timbul pula soal bagaimana warning itu perlu dibuat? Ada banyak penghakiman yang telah dibuat tentang soal ini. Persoalan tersebut timbul untuk pertimbangan Mahkamah Agong dalam kes *Ng Yau Thai v. PP* [1987] 1 CLJ 358; [1987] CLJ (Rep) 257; [1987] 2 MLJ 214. Di dalam kes itu, persoalan undang-undang yang mempunyai kepentingan awam telah dirujuk kepada Mahkamah Agong di bawah s. 66 Akta Mahkamah-Mahkamah Keadilan 1964. Persoalan undang-undang tersebut ialah:

> Whether or not the High Court was right in ruling owing to the strenuous submission made by the defence counsel at the Magistrate's Court on the question of the danger of accepting the uncorroborated testimony of an accomplice, the court must have had the risk in its mind before accepting the uncorroborated testimony of the accomplice without requiring some indication in the judgement itself that the magistrate had this rule of caution in mind.

Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa apa yang difikirkan oleh hakim perbicaraan hanya boleh dirumuskan dari kandungan penghakiman dan bukan di tempat lain:

> In our judgment, the mind of the trial judge can only be gathered from the contents of his judgment and nowhere else. To look elsewhere to try to ascertain the judge's mind would tantamount to taking irrelevant matters into consideration.
>
> Now, after quoting the last sentence of Lord Donovan's *dictum* at page 43 which reads:
>
> > No particular form of words is necessary for this purpose; what is necessary is that the judge's mind upon the matter should be clearly revealed.
>
> The learned judge continued:
>
> > I think those were apt words and I am satisfied that the magistrate had clearly in her mind the warning concerning the risk of accepting the uncorroborated testimony of an accomplice. **This is clearly borne out in the note of the evidence of the case in the court below**.
> > (emphasis added)

If the subjective satisfaction of the trial Magistrate were based on the notes of submission of learned counsel for the accused and the learned Deputy Public Prosecutor instead of the written judgment, then in our opinion, the learned judge hearing the appeal had misdirected himself on the law. On the other hand, should there be an ambiguity upon such an important matter it ought, in our view, to be resolved in favour of the accused where the liberty of the subject is involved (see *Chiu Nang Hong*'s case at p. 43C).

Now, in his judgment the learned judge did not make any reference to the grounds of decision of the trial Magistrate; and if he had done he would have found that the trial Magistrate had in mind such warning and this was clearly indicated in her judgment. The trial Magistrate said:

> PW1 (Thee Sok Len) and his wife PW2 were accomplices. They knew that the sale and purchase of the baby was an offence under the law. Because they were accomplices the court may presume under section 114, illustration (b), of the Evidence Act 1950 that their evidence in unworthy of credit unless they are corroborated in material particulars. The evidence of PW1 cannot be corroborated by the evidence of his wife PW2 because PW2 was also an accomplice.

Then the trial Magistrate referred to the following provisions of section 133 of the Evidence act:

> An accomplice shall be a competent witness against an accused person; and a conviction is not illegal merely because it proceeds upon the uncorroborated testimony of an accomplice.

After alluding to a passage in *Sarkar's Law of Evidence* dealing with the subject of evidence of an accomplice and corroboration, the trial Magistrate stated that she accepted the evidence of PW1 and PW2, and she gave the reason for doing so as follows:

> There is no reason for them (ie, PW1 and PW2) to tell lies in Court. On the other hand if they tell the truth, they themselves stand to lose because they would be ordered to return the baby.

The warning as to the danger of convicting on uncorroborated evidence if the prosecution is relying on the testimony of an accomplice does not involve some legalistic ritual to be automatically recited by the trial Magistrate, or that some particular form of words or incantation has to be used and if not used, the judgment is deemed to be faulty and the conviction set aside. There is no magic formula and no set words which must be adopted to express the warning. Rather must the good sense of the matter be expounded with clarity and in the setting of a particular case (see the judgment of Lord Ackner in *R v. Spencer* [1986] 2 All ER 928, 937). Although the answer to the certified question is that the High Court was wrong in law to hold that the warning need not appear in the judgment or grounds of decision of the trial Magistrate, however, having regard to what we have stated above, we agree with the learned judge that the appeal be dismissed and the conviction be affirmed.

[60] Jadi ketiadaan warning yang memadai seperti yang dihuraikan dalam kes *Ng Yau Thai* itu di dalam alasan penghakiman atau alasan-alasan keputusan adalah satu kesilapan yang boleh membatalkan sesuatu sabitan itu. Itu adalah kedudukan undang-undang mengenai keterangan rakan sejenayah di dalam kes-kes rasuah sebelum s. 44(2) APR 1997 berkuat kuasa. Seksyen 44(2) APR 1997 telah mengubah kedudukan undang-undang tersebut. Seksyen tersebut memperuntukkan:

> Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, sesuatu sabitan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang berasaskan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana rakan sejenayah atau ejen provokasi tidaklah tak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan hanya kerana mahkamah yang membicarakan kes itu telah tidak menyebut dalam alasan penghakimannya keperluan supaya mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan pada keterangan sedemikian.

[61] Dalam pandangan saya adalah jelas bahawa kini sabitan boleh dibuat atas keterangan rakan sejenayah tanpa mahkamah perlu mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan atas keterangan rakan sejenayah yang tidak disokong. Ertinya, kaedah amalan dan prudence mengenai warning yang telah diikuti sebegitu lama itu tidak lagi perlu diikuti. Pada hemat saya kesimpulannya ialah – keterangan seseorang rakan sejenayah, kini tiada bezanya dengan keterangan saksi-saksi biasa yang lain. Keterangannya hendaklah dipertimbangkan seperti mana saksi-saksi biasa yang lain. Pada hemat saya inilah niat pembuat undang-undang mewujudkan peruntukan di bawah s. 44(1)(a) dan s. 44(2) APR 1997.

[62] Sekarang saya beralih kepada alasan penghakiman hakim bicara kedua untuk meneliti pendekatan yang telah digunakan oleh beliau dalam mempertimbangkan keterangan SP1. Adalah jelas dari alasan penghakiman beliau (ms. 288 hingga 294) bahawa hakim bicara kedua memutuskan bahawa SP1 adalah seorang rakan sejenayah. Hakim bicara kedua berpendapat bahawa peruntukan di bawah s. 18 APR 1961 pada dasarnya adalah sama dengan peruntukan di bawah s. 44 APR 1997. Dengan pandangan yang sedemikian itu, hakim bicara kedua telah merujuk kepada kes *Rattan Singh v. PP* [1970] 1 LNS 132; [1971] 1 MLJ 162 yang telah menjelaskan skop dan aplikasi s. 18 APR 1961. Beliau seterusnya memutuskan bahawa SP1 tidak dilindungi oleh s. 44 APR 1997, kerana menurut beliau peranan yang dimainkan oleh SP1 melebihi dari hanya membuat bayaran rasuah. Beliau memutuskan bahawa SP1 adalah merupakan orang yang memulakan segala-galanya. Beliau juga memutuskan bahawa SP1 adalah orang penting yang terlibat secara langsung dalam kes ini dan memperoleh banyak faedah darinya. Beliau mendapati bahawa SP1 adalah rakan sejenayah dan keterangannya perlu disokong sebelum mahkamah dapat menerimanya sebagai keterangan yang kredibel. Sehubungan ini, di dalam penghakimannya hakim bicara kedua menyatakan:

Pada mulanya SP1 tidak mengenali Dato' Saidin dan tidak mengenali kedua-dua OKT. Dia mula mendapat tahu Dato' Saidin disiasat oleh BPR melalui bapa saudaranya, Jalil. SP1 menerima berita Dato' Saidin disiasat BPR sebagai satu peluang untuk dia (SP1) mendapat keuntungan. Sebaik sahaja SP1 menerima berita ini, dia dengan segera berusaha bagi mencari jalan untuk mengenali Dato' Saidin. Pada kali pertama berpeluang berjumpa Dato' Saidin SP1 telah memberitahu Dato' Saidin yang dia boleh tolong Dato' Saidin dengan kesnya dan sebagai balasan Dato' Saidin berjanji akan menolong perniagaan SP1.

Selepas berjumpa dan berkenalan dengan Dato' Saidin SP1 berusaha untuk berkenalan dengan OKT2 dan kemudian dengan OKT1. Selepas mengenali kedua-dua OKT, SP1 bersama bapa saudaranya Jalil memujuk kedua-dua OKT untuk menolong Dato' Saidin. Mengikut SP1 dia berjumpa kedua-dua OKT beberapa kali di beberapa tempat dengan tujuan memujuk kedua-dua OKT untuk menolong Dato' Saidin. Pada pertemuan pertama di 'The Ship' SP1 diberitahu oleh OKT2 yang kes Dato' Saidin tidak dapat ditolong. Pertemuan kedua yang berlaku dalam bulan April 1998 juga ikut SP1 OKT2 enggan menolong. Ikut SP1 sendiri, dia berasa kecewa dengan pertemuan-pertemuan awal ini kerana OKT tidak mahu bekerjasama. Walaupun begitu SP1 tidak berputus asa dan dengan bantuan Jalil terus berusaha memujuk kedua-dua OKT. Pada masa yang sama SP1 berusaha meyakinkan Dato' Saidin bahawa dia (SP1) boleh mendapatkan kedua-dua OKT untuk menolong Dato' Saidin dengan mengatur perjumpaan antara OKT2 dengan OKT1 di Hotel Glenmarie. Hasilnya, Dato' Saidin mempercayai SP1 dan seawal 9hb April 1998 SP1 telah berjaya mendapat RM80,000.00 (eksibit P5) dari Dato' Saidin. Selang beberapa hari kemudian iaitu pada 15hb April 1998 SP1 sekali lagi mendapat RM47,000.00 daripada Dato' Saidin menjadikan RM127,000.00 jumlah keseluruhan yang diterima setakat 16.4.1998. Selain dari itu Dato' Saidin memberitahu dia sanggup belanja RM500,000.00 untuk kesnya. SP1 juga dibenarkan oleh Dato' Saidin untuk mengguna tanah di sebelah pejabat UMNO untuk menjalankan perniagaan. Semua bayaran ini diterima oleh SP1 walaupun pada ketika itu SP1 menghadapi masalah memujuk OKT untuk menolong Dato' Saidin. Oleh itu jika dakwaan SP1 benar bahawa kedua OKT pada akhirnya bersetuju untuk menolong Dato' Saidin, sudah semestinya persetujuan ini akibat dari usaha gigih SP1 dalam mempengaruhi OKT. SP1 sememangnya mempunyai kepentingan untuk berjaya mendapatkan pertolongan OKT atau sekurang-kurangnya memberi gambaran kepada Dato' Saidin bahawa dia (SP1) berjaya mendapat pertolongan OKT. Jumlah wang yang terlibat adalah besar. Mengikut SP1 sendiri, dia telah menerima 13 keping cek yang berjumlah lebih dari RM300,000.00 dari Dato' Saidin berhubung dengan kes ini sedangkan jumlah wang yang didakwa digunakan untuk menyogok kedua-dua OKT tidak pun sampai RM40,000.00. Ini menunjukkan SP1 merupakan orang penting yang terlibat secara langsung dalam kes ini dan memperolehi banyak faedah darinya.

Atas faktor-faktor di atas, maka Mahkamah ini mendapati bahawa peranan yang dimainkan oleh SP1 dalam kes ini adalah terlalu banyak. Peranan yang dimainnya melebihi dari hanya sebagai seorang yang

membuat bayaran rasuah. Oleh itu SP1 tidak dilindungi oleh seksyen 44 Akta Pencegah Rasuah. Mahkamah mendapati SP1 adalah rakan sejenayah dan keterangannya perlu disokong sebelum Mahkamah dapat menerimanya sebagai keterangan yang kredible. Ini selari dengan seksyen 114 ilustrasi (b) Akta Keterangan 1990 yang memperuntukkan:

> The court may presumed:
>
> (c) That an accomplice is unworthy of credit unless he is corroborated in material particulars.

[63] Kesimpulannya, hakim bicara kedua mendapati bahawa SP1 adalah rakan sejenayah dan keterangannya perlu disokong sebelum mahkamah dapat menerimanya sebagai keterangan yang kredible. Berdasarkan kepada huraian yang telah saya buat mengenai s. 44 APR 1997, keputusan yang dibuat oleh hakim bicara kedua itu adalah tidak betul. Dalam penghakiman saya beliau telah membuat tafsiran yang silap tentang s. 44 APR 1997. Saya telah menyatakan bahawa perkataan-perkataan "telah dengan apa-apa cara terlibat dalam perlakuan kesalahan itu atau tahu tentang perlakuan kesalahan itu", yang jelas di bawah s. 44(1)(a)(iii) APR 1997 itu, membawa maksud bahawa penglibatan seseorang itu dalam perlakuan kesalahan itu dengan apa-apa jua sekali pun tidak menjadikannya seseorang rakan sejenayah.

[64] Berikutan dengan huraian saya mengenai s. 44(1) APR 1997, di bawah seksyen tersebut SP1 tidak lagi boleh dianggap sebagai rakan sejenayah. Keterangannya hendaklah dipertimbangkan seperti saksi-saksi biasa lain. Seperti juga keterangan saksi-saksi biasa yang lain, di dalam menerima atau menolak keterangan SP1, mahkamah perlu menilai dengan teliti betapa konsistennya keterangan SP1 itu. Mahkamah perlu juga menimbangkan sama ada keterangan itu telah menjadi goyah, tercabar atau tergugat oleh pemeriksaan balas. Selanjutnya mahkamah juga perlu menimbangkan sejauh mana keterangan SP1 itu konsisten atau boleh dimuatkan dengan baik dengan keterangan lain dan juga keadaan kes ini. Oleh kerana keadaan tidak goyah dalam pemeriksaan balas bukan penentu yang konklusif tentang kredibiliti, mahkamah perlu menilai inherent probability keterangan SP1. Pendekatan yang sedemikian itu telah dinyatakan dalam *PP v. Dato Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215; [1999] 2 MLJ 1, di mana di ms. 79, Augustine Paul H (pada masa itu) menyatakan:

> The Privy Council has stated that the real tests for either accepting or rejecting the evidence of a witness are how consistent the story is with itself, how it stands the test of cross-examination, and how far it fits in with the rest of the evidence and the circumstances of the case (see *Bhojraj v. Sitaram* AIR 1936 PC 60). It must, however, be observed that being unshaken in cross-examination is not *per se* an all-sufficient acid test of credibility. The inherent probability or improbability of a fact in issue must be the prime consideration (see *Muniandy & Ors v. PP* [1966] 1 MLJ 257). It has been held that if a witness demonstrably tells lies, his evidence must be looked upon with suspicion and treated with caution, but to say

A that it should be entirely rejected would be to go too far (see *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] MLJ 105). It has also been held that discrepancies and contradictions there will always be in a case. In considering them, what the court has to decide is whether they are of such a nature as to discredit the witness entirely and render the whole of his evidence worthless and untrustworthy (see *De Silva v. PP* [1964] MLJ 81). The Indian Supreme
B Court has pointed out that one hardly comes across a witness whose evidence does not contain a grain of untruth or at any rate exaggerations, embroideries or embellishments (see *Ugar v. State of Bihar* AIR 1965 SC 277). It is useful to refer to *PP v. Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15 where Raja Azlan Shah FJ (as His Highness then was) said at p. 19:

C

> ... In my opinion, discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened ... The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to
D destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other.

In the absence of any contradiction, however, and in the absence of any
E element of inherent improbability, the evidence of any witness, whether a police witness or not, who gives evidence on affirmation, would normally be accepted (see *PP v. Mohamed Ali* [1962] MLJ 257).

[65] Dengan pendekatan tersebut, saya telah menilai keterangan SP1.

Pertuduhan Pertama

F

[66] Bagi pertuduhan ini elemen yang perlu dibuktikan oleh Pendakwa Raya ialah:

(i) Pada tarikh yang material seperti dalam tuduhan OKT1 adalah seorang ejen;

G

(ii) OKT1 secara rasuah telah menyetuju terima daripada SP1 untuk dirinya sendiri suatu suapan, iaitu, manfaat mendiami tanpa apa-apa bayaran di premis 33C-22-2, Villa Putri Kondominium, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur; dan

H

(iii) Suapan tersebut telah disetuju terima sebagai suatu dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya, iaitu hendak menolong Dato' Saidin supaya tidak didakwa di mahkamah.

Elemen Pertama

I

[67] Elemen pertama telah dibuktikan oleh keterangan SP6 dan SP9. Dalam keterangannya, Arian bte Ismail (SP6), Penolong Pegawai Tadbir, BPR Malaysia, yang telah bertugas di BPR sejak 8 April 1994, telah menyatakan bahawa dia kenal OKT1 semasa OKT1 berkhidmat di BPR.

Menurut SP6, OKT1 telah bertugas di BPR sebagai Pegawai Undang-Undang sejak 1 Ogos 1993 hingga beliau ditukarkan kembali ke Jabatan Peguam Negara Malaysia pada 18 November 1999. Amir Hamzah Abd Aziz, Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Peguam Negara Malaysia (SP9) telah mengemukakan Buku Perkhidmatan OKT1 (P41) yang merekodkan butir-butir berhubung dengan perkhidmatan OKT1. Menurut P41 OKT1 mula bertugas pada 1 Disember 1989. Pada 1 Ogos 1993 OKT1 telah bertukar ke BPR sebagai Timbalan Pendakwa Raya hingga 17 November 1999. Pada 5 Disember 1999 OKT1 telah ditahan kerja.

Elemen Kedua

[68] Saya dapati SP1 telah disoal balas dengan panjang lebar dan dengan begitu hebat sekali oleh peguam-peguam OKT1 dan OKT2. SP1 telah disoal balas bukan sahaja tentang keterangannya dalam pemeriksaan balas mengenai kes ini, tetapi juga soalan-soalan yang menyentuh tentang karakter dan hal-hal peribadi SP1. SP1 telah disoal bahawa dalam bulan Ogos 1998, dia telah minta OKT1 melabur dalam projek tanah di Rawang. ini telah diakui oleh SP1. SP1 bersetuju bahawa projek itu adalah projek pembelian tanah. SP1 bersetuju bahawa OKT1 telah menyumbangkan RM50,000 yang telah dibayar melalui cek tunai City Bank kepunyaan Chong Chit Heng. SP1 juga mengakui bahawa pada 26 Ogos 1998, dia telah memaklumkan kepada OKT1 bahawa wang tidak mencukupi untuk membiayai projek itu dan bahawa dia telah meminta OKT1 menambah pelaburan. SP1 bersetuju bahawa OKT1 telah memberi RM15,000 yang SP1 tahu adalah kepunyaan OKT1 sendiri. SP1 menyatakan bahawa dia tidak memberi kepada OKT1 akuan terima bagi penerimaan kesemua wang berjumlah RM65,000 itu. SP1 mengaku bahawa dalam bulan Oktober 1998 OKT1 ada bersemuka dengannya di Villa Putri meminta dia menerangkan dengan jelas projek membeli tanah tersebut. SP1 juga bersetuju bahawa pada hari itu juga OKT1 telah memarahinya kerana SP1 memberitahu OKT1 bahawa dia telah berbohong dengannya, tiada projek tanah dan SP1 telah mempermainkannya dalam soal RM65,000.

[69] Selain itu, peguam juga telah mencadangkan kepada SP1 bahawa perniagaannya di Terengganu telah ditutup kerana dia menipu. Cadangan itu telah dinafikan oleh SP1. Peguam juga telah mencadangkan kepada SP1 bahawa dia telah tidak mendaftarkan perniagaan kerana dia telah muflis. SP1 mengaku bahawa dia telah muflis tiga tahun sebelum itu kerana kad kredit. SP1 mengaku bahawa dia guna kad kredit dan telah tidak membuat bayaran.

[70] Peguam juga telah mencadangkan kepada SP1 bahawa dia pernah ditangkap kerana kes curi – (Kepong Report 443/98). SP1 menafikan cadangan itu dan berkata dia tidak pernah ditangkap kerana kes curi. SP1 mengaku bahawa dia ditangkap berikutan Gombak Report 1718/82 kerana criminal breach of trust (CBT). SP1 juga mengaku bahawa pada tahun yang sama dia telah ditangkap melalui Selayang Report 4203/95 kerana kes tipu. Mengenai kes tipu melalui Pontian Report 849/200, SP1 menyatakan

bahawa dia tidak ditangkap. Seterusnya SP1 menafikan cadangan bahawa dia ada menipu tentang penjualan kereta Wong Ban Lee atau Moa Han Yong dan berkata bahawa dia tidak menipu penama tersebut. SP1 dapat tahu penama tersebut telah membuat laporan.

[71] Di dalam hujahnya bahawa SP1 adalah seorang saksi yang tidak boleh dipercayai langsung, peguam OKT1 telah menimbulkan beberapa perkara termasuk dakwaan tentang kelakuan buruk SP1. Peguam menyatakan bahawa SP1 bukanlah aduan di dalam kes ini kerana SP1 telah tidak membuat laporan dengan BPR bahawa OKT1 telah ambil rasuah. Menurut peguam, SP1 telah ditangkap oleh BPR pada 11 November 1999 berkaitan dengan kes SP15. Selepas ditangkap, perintah penahanannya telah diperolehi untuk menahannya di lokap polis. Tetapi menurut peguam, SP1 telah ditahan di Pejabat BPR selama lima hari dan dalam tempoh masa ini SP1 mempunyai masa yang mencukupi untuk mereka suatu cerita yang boleh membebaskannya dari kes SP15 dan undang-undang. Meneruskan hujahnya peguam memohon mahkamah mempertimbangkan keterangan bahawa SP1 tidak mengenali SP15. Selepas mendapat khabar bahawa SP15 sedang disiasat oleh BPR, SP1 telah mengambil inisiatif melalui bapa saudaranya (Jalil) untuk bertemu dengan SP15. Melalui Jalil, SP1 berjaya berjumpa dengan SP15 dan telah memberikan jaminan kepada SP15 untuk menolongnya. Menurut peguam, kemudian, SP1 mengambil tindakan selanjutnya dan melalui Jalil telah berjaya mendampingi dan berkawan dengan OKT2. Seterusnya melalui OKT2, SP1 telah berjaya pula mendamping OKT1 dan berkawan dengannya. SP1 telah bertemu dengan OKT1 dan OKT2 beberapa kali tetapi gagal memujuk mereka untuk bekerjasama dengannya. Sementara itu, SP1 memperoleh RM300,000 dari SP15. Peguam berhujah bahawa SP1 adalah seorang yang opportunistic dan mengaut keuntungan untuk dirinya melalui masalah yang dihadapi oleh SP15.

[72] Seterusnya, peguam mendakwa bahawa SP1 adalah seorang yang tidak teragak-agak untuk bercakap bohong. Merujuk kepada ms. 108 baris 20 rekod rayuan, peguam menyatakan baru sahaja selepas dia mengangkat sumpah dia telah berbohong mengenai alamatnya. Merujuk kepada satu lagi contoh, peguam berkata bahawa SP1 menyatakan bahawa dia menyimpan resit hotel ('P4') di mana dia berjumpa dengan SP15. Tetapi pegawai penyiasat menyatakan bahawa resit tersebut diperoleh dari hotel tersebut.

[73] Selanjutnya peguam berhujah bahawa yang aneh dalam kes ini ialah bahawa OKT1 telah ditipu sebanyak RM65,000 oleh SP1, tetapi OKT1 yang kena tuduh dengan pertuduhan rasuah. Peguam juga telah merujuk kepada keterangan SP10 bahawa SP1 telah meminjam wang RM6,000 darinya, tetapi hanya telah membayar RM1,000. Kemudian, peguam merujuk kepada laporan polis yang telah dibuat terhadap SP1 (yang telah ditimbulkannya dalam menyoal balas SP1) dan berhujah bahawa SP1 adalah seorang penipu (a cheat) dan mempunyai rekod yang disebutnya sebagai "a track record of cheating" dan "a pattern of cheating". Meneruskan hujahnya, peguam

merujuk kepada keterangan SP1 dalam pemeriksaan utama bahawa P24 dan P25 telah diterimanya dari OKT2 di kondo Villa Putri. Tetapi dalam pemeriksaan balas, peguam mendakwa bahawa SP1 tidak pasti bila dia menerima dokumen-dokumen tersebut. Peguam juga berhujah bahawa SP1 tidak pasti bila dia menerima P26, P27 dan P29. Peguam berhujah bahawa SP1 bersikap evasive dalam keterangannya mengenai P24-P29, kerana dokumen-dokumen tersebut adalah dokumen-dokumen penting.

[74] Mengakhiri hujah tentang kredibiliti SP1, peguam berhujah bahawa SP1 juga adalah seorang yang muflis, bukan kerana dia menjadi penjamin, tetapi kerana dia telah menggunakan kad kredit tetapi tidak membuat bayaran. Menurut peguam, terdapat elemen menipu di situ. Jadi, menurutnya, SP1 tidak boleh dipercayai langsung.

[75] Jika pihak pembelaan ingin menyatakan bahawa SP1 mempunyai reputasi untuk tidak boleh dipercayai langsung, ia boleh mencabar keterangannya di bawah s. 155(a) dengan memanggil saksi-saksi memberikan keterangan bahawa dari pengetahuan mereka, mereka percaya bahawa SP1 tidak boleh dipercayai. Tetapi bukan ini yang telah dilakukan. Sebaliknya pihak pembelaan dengan merujuk kepada perkara yang telah ditimbulkan dalam pemeriksaan balas, berhujah bahawa SP1 adalah seorang habitual cheat, seorang yang tidak ragu-ragu untuk berbohong dan oleh itu menurut peguam, dia adalah "a person not worthy of any credit". Ertinya, peguam menyatakan bahawa SP1 telah diimpeach creditnya. Saya tidak dapat menerima hujah ini. Saya dapati apabila diajukan dengan perkara-perkara yang menyentuh kelakuannya, SP1 tidak berdolak dalik atau mengelak. Mengenai empat laporan polis yang diajukan kepadanya dalam soal balas (Kepong Report 443/98, Gombak Report 1718/82, Selayang Report 4203/95 dan Pontian Report 849/200), SP1 telah memberikan response yang jelas. Mengenai Kepong Report 443/98 SP1 telah menafikan bahawa dia pernah ditangkap kerana kes curi. SP1 mengakui bahawa dia telah ditangkap berkaitan dengan Gombak Report 1718/82 dan Selayang Report 4203/95.

[76] Berkaitan dengan Pontian Report 849/200, SP1 menyatakan bahawa dia tidak ditangkap. SP1 juga menafikan cadangan peguam bahawa dia ada menipu tentang penjualan kereta Wong Ban Lee dan berkata dia tidak pernah menipu penama tersebut tetapi dia tahu bahawa penama tersebut telah membuat laporan. Saya dapati tiada terdapat apa-apa keterangan di hadapan mahkamah yang menunjukkan bahawa SP1 telah dituduh atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan berkaitan dari mana-mana laporan polis tersebut. Malahan tiada terdapat apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa SP1 pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan. Hutang SP1 dengan SP10 yang hanya dibayar RM1,000 sahaja tidak diajukan kepada SP1. SP1 telah mengaku bahawa dia telah tidak membayar hutang yang timbul dari penggunaan kad kreditnya. Saya tidak fikir fakta bahawa SP1 tidak menyelesaikan baki hutangnya dengan SP10 dan tidak membayar hutang kad kreditnya telah menjadikan SP1 seorang saksi yang bercakap bohong dalam mahkamah ini. Tentang

RM65,000 yang didakwa telah dibayar oleh OKT1, tiada akuan penerimaan telah diberikan oleh SP1. Tetapi SP1 tidak mengelak dan tidak lari dari dakwaan itu. SP1 telah mengakuinya tanpa teragak-agak. Peguam berkata bahawa SP1 telah menipu OKT1, tetapi OKT1 yang kena tuduh dengan dua pertuduhan rasuah. Soal RM65,000 dan soal OKT1 menghadapi dua tuduhan rasuah adalah dua perkara yang berasingan. Tiada keterangan terperinci diberikan di mahkamah tentang fakta-fakta sebenar dan terperinci mengenai pembayaran RM65,000 itu. Tiada apa yang menghalang OKT1 membuat laporan polis atau membuat tuntutan sivil tentang pembayaran tersebut. Soal yang mahkamah mesti putuskan ialah sama ada pengakuan SP1 tentang pembayaran RM65,000 oleh OKT1, dan perkara-perkara tentang kelakuan SP1 yang ditimbulkan dalam soal balas itu telah terus menjadikan dia seorang saksi yang tidak mempunyai apa-apa kredibiliti dan atas alasan itu sahaja menolak keterangannya. Dalam penghakiman saya, jawapan kepada soalan itu adalah 'tidak'. Mahkamah perlu mempertimbangkan keseluruhan keterangan SP1 dengan teliti dan berdasarkan kepada pendekatan yang telah saya huraikan sebelum ini (lihat *PP v. Dato Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215; [1997] 1 MLJ 3, di ms. 78). Jika seseorang telah dibuktikan bercakap bohong atas satu atau dua perkara pun, dari segi undang-undang keterangannya tidak boleh ditolak terus tetapi hendaklah diteliti dengan berhati-hati. (lihat *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 41; [1964] MLJ 105, 107 (CA), *De Silva v. PP* [1964] 1 LNS 32; [1961] MLJ 81]. Apatah lagi dalam kes ini tiada bukti bahawa SP1 telah bercakap bohong dalam keterangannya.

[77] Sehubungan ini dalam pandangan saya beberapa perkara dalam keterangan SP1 yang ditimbulkan oleh peguam di dalam hujahnya bukanlah merupakan perkara yang boleh memusnahkan kredibiliti SP1. Pertama tentang soal alamat yang dikatakan SP1 telah berbohong. Walaupun mengakui bahawa pada 12 April 2000 dia tinggal di 14-B-6 Vista Kondo dan tidak di B-2-2-8 Vista Commonwealth seperti yang dinyatakannya dalam keterangannya pada 12 April 2000, tetapi B-2-2-8 Vista Commonwealth itu juga adalah rumah SP1, di mana SP17 telah membuat pemeriksaan pada 12 November 1999 selepas SP1 ditangkap dan telah merampas beberapa dokumen seperti yang dinyatakan dalam P18. Ertinya, alamat B-2-2-8 itu bukan alamat palsu, tetapi juga alamat SP1 pada satu masa. Saya tidak fikir kesilapan kecil seperti ini boleh memusnahkan keseluruhan keterangan SP1.

[78] Begitu juga dengan soal P4. Percanggahan di dalam keterangan SP1 dan SP17 tentang tempat di mana P4 itu diperoleh juga bukanlah satu percanggahan material yang boleh menjejaskan keterangan SP1. Bagi saya soal penting ialah sama ada P4 itu adalah dokumen yang benar. Ini telah dibuktikan oleh Mohd Yusof b Md Zain ('SP12') yang pada bulan April 1998 bertugas sebagai Front Officer Manager, Pan Pacific Glenmarie Hotel, Shah Alam. SP12 telah mengecam P4 dan mengesahkan bahawa SP1 adalah pelanggan hotel tersebut pada 8 April 1998.

[79] Tidak dinafikan bahawa P24-P29 adalah dokumen-dokumen yang penting dalam kes ini. Tetapi keterangan SP1 dalam pemeriksaan balas bahawa dia tidak pasti bila dia menerima dokumen-dokumen tersebut bukanlah sesuatu yang boleh meranapkan kredibilitinya. Soal penting yang mahkamah perlu putuskan berkaitan dengan P24-P29 ialah sama ada P24-P29 telah diterima oleh SP1 dan dari siapa dia menerimanya. Dalam soal ini, SP1 telah memberikan keterangan bahawa dia telah menerima P24, P25, P26 dan P29 A & B dari OKT2. SP1 berkata dia telah menerima P27 dari OKT1. Dokumen-dokumen ini telah ditemui oleh SP17 apabila dia memeriksa rumah bapa SP1 di No. 20, Jalan 1, Taman Selayang, Batu Caves, Selangor pada 12 November 1999.

[80] Oleh yang demikian, mahkamah perlu mempertimbangkan keseluruhan keterangan SP1 dengan teliti berdasarkan kepada pendekatan yang telah dihuraikan di bahagian lain dalam penghakiman ini; iaitu pendekatan yang dinyatakan dalam *PP v. Dato Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215; [1997] 2 MLJ 3, di ms. 79.

[81] Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan SP1 dengan teliti, saya dapati terdapat keterangan yang boleh diterima dari SP1 bahawa dia telah menyewa premis No. 33-C-22-2, Villa Putri Kondominium, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur melalui perjanjian transaksi bertarikh 9 Mei 1998 (P8) dan melengkapkannya dengan peralatan seperti televisyen, video player, sofa dan meja makan, tilam dan bantal, untuk didiami OKT1. SP1 telah menanggung kesemua bayaran sewa dan perbelanjaan untuk melengkapkan premis untuk manfaat OKT1. Saya dapati SP1 telah disoal balas dengan hebat oleh peguam-peguam OKT1 dan OKT2. Peguam telah mencabarnya dan antaranya mengajukan soalan-soalan dan cadangan kepada SP1 bahawa dia adalah main tenant premis tersebut dan bahawa OKT1 menyewa sebagai sub-tenant dari SP1. Saya dapati SP1 tidak tergugat atau goyah di dalam keterangannya bahawa dia telah menyewa premis tersebut untuk kegunaan dan manfaat OKT1 mendiaminya. Saya juga mendapati keterangan SP1 yang berikut juga tidak tergugat atau goyah:

(i) Pada akhir bulan Mac 1998 SP1 mendapat tahu dari pakciknya (Jalil) bahawa SP15 telah ditahan oleh BPR atas dakwaan rasuah. SP1 dan Jalil berbincang untuk membantu SP15 berhubung kes rasuahnya;

(ii) Berikutan itu melalui seorang kawannya Zulkifli, SP1 telah diperkenalkan dengan SP15. Dalam perjumpaan tersebut, SP1 telah memberitahu SP15 bahawa pakciknya (Jalil) ada kawan dalam BPR yang mungkin boleh menolong SP15. Dalam pertemuan tersebut SP15 telah memberikan SP1 calling kadnya (P3) yang telah dituliskan nombor-nombor telefon SP15;

(iii) Melalui Jalil, SP1 telah dapat bertemu dengan OKT2 di Restoran "The Ship", Pertama Kompleks, Kuala Lumpur. Mereka berbincang

mengenai kes SP15. OKT2 telah memberitahu SP1 bagaimana SP15 telah ditangkap. Dalam pertemuan itu OKT2 tidak berapa setuju untuk menolong SP15;

(iv) Selepas itu SP1 dan Jalil telah berjumpa lagi dengan OKT2. Walaupun pada mulanya dia enggan, akhirnya OKT2 menunjukkan tanda-tanda bahawa dia mahu menolong. Dalam pertemuan itu OKT2 telah memberitahu tentang kes SP15 dengan panjang lebar;

(v) Seterusnya melalui tindakan yang diambil oleh SP1, pertemuan telah diadakan di antara OKT2 dan SP15 pada 8 April 1998 di bilik No. 212, Hotel Pan Pacific Glenmarie. Pertemuan itu juga dihadiri oleh SP1 dan Jalil. Dalam pertemuan tersebut, Jalil memberitahu SP15 bahawa OKT2 boleh membantu kes beliau. SP15 telah bertanyakan perkembangan kesnya. OKT2 memberitahu bahawa kes masih di peringkat awal dan dia akan menolong SP15 sehingga kes selesai di mana biasanya BPR akan membuat pengumuman dalam akhbar. SP15 memberitahu SP1 bahawa dia berpuas hati dengan perjumpaan tersebut dan menyuruh SP1 menghubungi beliau pada keesokan harinya;

(vi) Pada keesokan harinya SP1 telah berjumpa dengan SP15 dan SP15 telah memberi SP1 sekeping cek (P5) bernilai RM80,000. SP15 memberitahu SP1 bahawa beliau tidak mahu tahu dengan siapa SP1 berurusan selepas itu dan yang pentingnya kes beliau selesai;

(vii) Pada 15 April 1998, SP1 mendapat sekeping cek lagi (P6) bernilai RM47,000;

(viii) SP1 juga telah menerima dari SP15 sekeping cek lagi (P17) bernilai RM50,000;

(ix) Melalui OKT2, SP1 telah diperkenalkan dengan OKT1. Selepas pertemuan kali pertama itu, SP1 telah bertemu lagi dengan OKT1 di Hotel Fortuna, Jalan Bukit Bintang;

(x) Pada hujung bulan April 1998, SP1 telah bertemu lagi dengan OKT1. SP1 telah memberitahu OKT1 hasratnya meminta pertolongan dari OKT1 untuk menolong SP15. OKT1 telah bertanya OKT2 sejauh mana kes itu telah sampai. OKT2 menjawab kes itu masih di peringkat siasatan. OKT1 hanya menganggukkan kepala dan berkata bahawa kes masih awal dan banyak masa lagi;

(xi) OKT1 telah masuk ke premis tersebut beberapa hari selepas P8 ditandatangani. Daripada Mei 1998 hingga Disember 1998, SP1 yang telah membayar sewa dan SP1 tidak pernah menerima apa-apa bayaran sewa dari OKT1. Sepanjang OKT1 mendiami premis tersebut SP1 tidak pernah menyewakannya kepada orang-orang lain. Wang untuk membiayai pembayaran deposit, sewa dan pembelian peralatan untuk melengkapkan premis tersebut diperolehi oleh SP1 dari SP15. SP1 telah menanggung kesemua bayaran tersebut untuk memuaskan hati OKT1, supaya dia dapat menolong dalam kes SP15.

(xii) Pada 19 Mei 1998 SP1 telah membeli satu jam tangan jenama Philippe Charriol (P14) dengan harga RM4,215. SP1 telah memberikan jam itu kepada OKT1 yang telah menerimanya. Harga jam tersebut telah dibayar oleh SP1 menggunakan wang yang diperoleh dari SP15. SP1 telah memberi jam tersebut kepada OKT1 untuk memuaskan hati OKT1 supaya OKT1 boleh menolong SP15 dalam kesnya;

(xiii) Catitan (P16) ditulis oleh OKT2 di hadapan SP1 apabila SP1 mula bertanya soalan kepada OKT1 sama ada OKT1 mampu menolong SP15 dalam kes beliau. SP1 mula mempersoalkan perkara itu sejak dari bulan September atau Oktober 1998. P16 dibuat untuk menunjukkan kepada SP1, di mana kedudukan OKT1 dalam organisasi BPR. SP1 telah menyimpan P16. Setelah P16 dibuat kedudukan OKT1 sebagai Timbalan Pendakwa Raya adalah lebih jelas kepada SP1;

(xiv) Selepas SP1 menyewakan premis tersebut untuk kegunaan didiami oleh OKT1 dan selepas SP1 membelikan jam Rolex untuk OKT2 dan jam Phillippe Charriol untuk OKT1, hubungan mereka bertiga menjadi lebih rapat;

(xv) Semasa hubungan SP1 dengan OKT1 dan OKT2 itu rapat, SP1 telah menerima P24 dan P25 dari OKT2 di premis tersebut. SP1 telah diberitahu oleh OKT1 supaya datang ke premis itu, dan OKT1 juga memberitahu SP1 bahawa ada beberapa dokumen yang hendak diserahkan kepadanya. Apabila SP1 sampai ke premis tersebut, OKT1 sudah ada di premis tersebut. Sejurus selepas itu, OKT2 telah menunjukkan P24 dan P25 kepada SP1 sambil diperhatikan oleh OKT1. OKT1 telah meneliti kedua-dua dokumen itu dan berjanji untuk meneliti pada hari lain kerana dia berpendapat bahawa kes SP15 masih di peringkat awal;

(xvi) SP1 telah menerima P26 dari OKT2;

(xvii) SP1 telah memperoleh P27 dari OKT1;

(xviii) SP1 telah menerima P29A dan B dari OKT2 di premis tersebut; dan

(xix) OKT1 telah mendiami premis tersebut dari bulan Mei 1998 hingga Disember 1998. OKT1 telah berpindah dari premis tersebut pada bulan Januari 1999. OKT1 memberitahu SP1 bahawa pada waktu itu dia berada dalam keadaan tension dan ingin berpindah dari premis tersebut.

[82] Walaupun SP1 tidak goyah dalam keterangan yang telah dihuraikan itu, ini bukanlah penentu yang konklusif tentang kredibilitinya. Mahkamah ini telah menimbangkan inherent probability atau improbability keterangan SP1 itu. Seperti yang telah saya nyatakan, peguam berhujah bahawa SP1 bukan pengadu dalam kes ini dan selepas dia ditangkap dan selepas perintah tahanan diperoleh dia tidak ditahan di lokap polls tetapi sebaliknya telah ditahan lima hari di Pejabat BPR. Oleh itu peguam berhujah bahawa masa

dalam tahanan BPR itu telah memberikan SP1 kesempatan yang cukup untuk merekakan cerita untuk melepaskan dirinya dari kes SP15 dan juga undang-undang. Saya dapati dakwaan ini telah tidak diajukan secara spesifik kepada SP1 semasa dia disoal balas. Adalah tidak wajar dakwaan ini ditimbulkan semasa SP1 telah tidak berada dalam kedudukan untuk memberikan apa-apa penjelasan tentang dakwaan tersebut. Walau bagaimanapun saya tidak dapat menerima hujah peguam itu. Saya tidak fikir dalam masa beberapa hari sahaja semasa dalam tahanan BPR SP1 telah dapat merekakan sesuatu yang sebegitu panjang dan terperinci seperti yang terdapat dalam keterangannya yang bukan sahaja mengandungi berbagai-bagai peristiwa yang berlaku di merata-rata tempat dalam tempoh masa yang panjang – dari Mac 1998 hingga dia ditangkap pada 11 November 1999, tetapi melibatkan ramai saksi-saksi, dan banyak dokumen-dokumen serta eksibit yang lain. Sebelum pertemuannya dengan SP15 melalui Zulkifli, SP1 tiada apa-apa hubungan dengan SP15. Oleh yang demikian timbul persoalan kenapa SP15 tiba-tiba menjadi murah hati dan memberi SP1 ratusan ribu ringgit. Bagi saya jawapannya jelas dan ianya adalah seperti yang telah dijelaskan dalam keterangan SP1 dan yang diakui sendiri oleh SP15 – "belanja orang yang hendak tolong kes saya".

[83] Peguam berhujah bahawa SP1 telah merekakan cerita untuk melepaskan diri dari kes SP15 dan lari dari undang-undang. Saya tidak dapat menerima hujah ini. Dalam keterangannya SP1 telah mengaku bahawa dia telah memainkan peranan utama di dalam mendapatkan bantuan dari OKT1 dan OKT2 untuk menolong SP15 dalam kesnya. Dia sendiri telah mengaku semasa disoal balas bahawa dia telah menerima wang RM300,000 lebih dari SP15. Selepas SP15 dituduh di mahkamah, SP1 telah berjumpa dengan SP15 dan memohon maaf dari SP15 dan memberitahu SP15 bahawa dia telah menjalankan tugasnya tetapi menurutnya OKT1 dan OKT2 telah mengkhianatinya. Dalam pengamatan saya keterangan yang telah diberikan oleh SP1 itu, bukanlah keterangan seorang yang cuba melarikan diri atau menjauhkan diri dari kes SP15. Saya membuat kesimpulan bahawa keterangan SP1 adalah keterangan yang boleh dipercayai dan dijadikan asas untuk memutuskan sama ada satu kes *prima facie* telah dibuktikan.

[84] Di dalam kes ini juga saya mendapati bahawa keterangan SP1 juga disokong oleh keterangan saksi-saksi yang lain. Keterangan SP10 menyokong keterangan SP1 bahawa dia telah menyewa premis tersebut dan menandatangani perjanjian tenansi ('P8'). SP10 menyatakan bahawa SP1 telah menandatangani P8 sebagai penyewa dan disaksikan oleh OKT1. SP10 telah memberikan keterangan bahawa wang pendahuluan satu bulan (RM1,900), dua bulan untuk security deposit (RM3,800) dan deposit untuk air dan gas (RM1,200) telah dibayar oleh SP1. Pembayaran tersebut juga disokong masing-masingnya oleh resit-resit P9, P10 dan P11. SP10 juga mengesahkan bahawa SP1 telah membayar RM2,382.40 bagi pembelian tiga buah tilam kerana premis itu tidak mempunyai tilam. Resit P12 menyokong pembayaran tersebut. SP10 juga mengesahkan bahawa SP1 telah membayar RM250 untuk memasang langsir blind di bilik mandi. Resit P13 juga

menyokong pembayaran tersebut. SP10 juga mengesahkan bahawa SP1 juga telah membayar RM50 bagi perkhidmatan pencucian. Resit P32 menyokong pembayaran itu. SP10 juga memberikan keterangan bahawa SP1 telah membayar sewa premis itu hingga Disember 1998. Menurut SP10 dia tidak menerima sewa bulanan dari orang lain selain SP1. SP10 juga mengesahkan pengeluaran resit P30 untuk bayaran upah cuci rumah, satu bulan sewa dan bayaran lain yang SP10 tidak boleh ingat. SP10 juga mengesahkan bahawa dia telah mengeluarkan resit P31 bagi bayaran pembetulan kitchen hood di dapur, management service dan sewa bulan Jun 1998, pemasangan security latch di pintu utama dan membetulkan toilet yang kesemua berjumlah RM2,230, yang telah dibayar oleh SP1. SP10 mengesahkan bahawa P22 adalah resit yang telah dikeluarkannya untuk sewa bulan September dan Oktober 1998 berjumlah RM3,800 yang telah dibayar oleh SP1. SP10 mengesahkan bahawa ID36 adalah resit bagi bayaran RM12 untuk membuat kunci duplicate premis itu yang telah dibayar oleh SP1. Menurut SP10 dari Mei 1998 hingga Disember 1998 dia tidak pernah menerima apa-apa bayaran dari OKT1.

[85] Keterangan Penguasa BPR Yusuf bin Shamsuddin (SP5) menyokong keterangan bahawa OKT1 tinggal di premis tersebut. SP5 telah mengenali OKT1 kerana dia pernah bertugas sebagai Pegawai Pendakwa Raya sejak 1990 dan perhubungannya dengan OKT1 adalah perhubungan di antara Pegawai Pendakwa dan Timbalan Pendakwa Raya. Menurut SP5 dia tahu OKT1 tinggal di premis tersebut kerana dia pernah menghantar OKT1 balik ke premis tersebut pada hujung tahun 1998. Menurut SP5 juga OKT1 memberitahunya bahawa dia menyewa di premis tersebut.

[86] SP1 telah memberikan keterangan bahawa dia telah membayar segala sewa premis tersebut dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan penyewaan premis tersebut dengan menggunakan wang yang diperoleh dari SP15, untuk memuaskan hati OKT1 supaya OKT1 dapat membantu kes SP15. SP1 menyatakan bahawa dia ada menerima P24, P25, P26 dan P29 dari OKT2 dan P27 dari OKT1. Selepas menerima dokumen-dokumen tersebut, SP1 memberikan dokumen-dokumen tersebut kepada SP15. Sebelum diberikan kepada SP15, SP1 ada membuat salinan fotostat dokumen-dokumen tersebut yang telah disimpannya. Keterangan SP1 bahawa dia memperoleh wang dari SP15 disokong oleh keterangan SP15 sendiri dan juga cek-cek P5, P6 dan P17 yang kesemua dikeluarkan atas nama SP1. Walaupun apabila ditanya dalam pemeriksaan utama kenapa dia mengeluarkan cek P5, SP15 pada mulanya menjawab bahawa SP1 kata dia perlu sedikit belanja dan hendak mulakan perniagaan, apabila ditanya lagi sama ada SP1 jelaskan belanja itu untuk apa, SP15 menjawab "dia kata belanja orang yang hendak tolong kes saya dan modal untuk mula perniagaan". Apabila disoal tentang P6, SP15 menyatakan bahawa ianya dikeluarkan untuk belanja yang sama dengan P5. Penjelasan yang sama

diberikan oleh SP15 tentang sebab kenapa dia memberikan P17 kepada SP1. Walaupun ketika disoal balas, SP15 menafikan bahawa wang lebih kurang RM320,000 yang telah diberinya kepada SP1 itu adalah sebagai wang rasuah supaya dia tidak dituduh di mahkamah, bagi saya, penjelasan SP15 dalam pemeriksaan utama tentang kenapa dia mengeluarkan cek P5, P6 dan P17 kepada SP1 itu adalah cukup untuk menyokong kesimpulan bahawa wang tersebut diberikan oleh SP15 kepada SP1 untuk mendapatkan pertolongan untuk menyelesaikan kesnya.

[87] Dalam keterangannya juga SP15 mengesahkan bahawa SP1 pernah menyerahkan dokumen mengenai kesnya. Apabila dirujuk P19, P24 hingga P29, SP15 mengaku ada melihat dokumen-dokumen tetapi dia tidak pasti kesemuanya atau sebahagiannya. SP15 menyatakan bahawa dia menerima dokumen-dokumen tersebut dari SP1. SP15 juga mengesahkan bahawa dia ada bertemu SP1, OKT2 dan Jalil pada 8 April 1998 di Pan Pacific Glenmarie. Menurut SP15 dalam pertemuan itu perbincangan telah diadakan mengenai siasatan kesnya. Menurut SP15 dalam pertemuan itu dia berkata dia hendak selesaikan kes segera. Menurut SP15 OKT2 kata dia akan cuba bantu.

[88] Keterangan SP13, iaitu pegawai penyiasat kes SP15 mengesahkan bahawa P24-P29 adalah dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kes SP15. Keterangan SP17 pula mengesahkan bahawa dokumen-dokumen tersebut dirampas dari SP1. Jadi keterangan SP13 dan SP17 itu juga membantu di dalam menyokong keterangan SP1 bahawa dia ada menerima dokumen-dokumen berhubung dengan kes SP15 (P24 hingga P29).

[89] Saya memutuskan bahawa berdasarkan kepada huraian yang telah dibuat itu keterangan SP1 juga adalah konsisten dan boleh muat dengan baik (fit well) dengan keterangan lain dalam kes ini.

[90] Dalam penghakiman saya berdasarkan kepada keterangan yang tersebut itu, pihak pendakwa telah membuktikan OKT1 telah menyetuju terima dari SP1 untuk dirinya satu suapan seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 APR 1997, iaitu manfaat mendiami tanpa apa-apa bayaran di premis 33-C-22-2 Villa Putri Kondominium, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur. Ini bererti bahawa anggapan di bawah s. 42(1) APR 1997 telah timbul dan terpakai. Seksyen tersebut memperuntukkan:

> Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 10, 11, 13, 14 atau 15 adalah dibuktikan bahawa apa-apa suapan telah disetuju-terima atau dipersetujui untuk disetujuterima, diperoleh atau cuba diperoleh, diminta, diberikan atau dipersetujui untuk diberikan, dijanjikan, atau ditawarkan oleh atau kepada tertuduh, suapan itu hendaklah dianggap telah disetuju-terima atau dipersetujui untuk disetuju-terima, diperoleh atau cuba diperoleh, diminta, diberikan atau dipersetujui untuk diberikan, dijanjikan atau ditawarkan secara rasuah sebagai dorongan atau upah bagi atau kerana perkara-perkara yang dinyatakan dalam butir-butir kesalahan itu, melainkan jika akasnya dibuktikan.

[91] Oleh kerana anggapan di bawah seksyen tersebut timbul dan terpakai, maka suapan itu hendaklah dianggap telah disetuju-terima secara rasuah sebagai dorongan yang dinyatakan dalam pertuduhan pertama – iaitu hendak menolong SP15 yang sedang disiasat oleh BPR supaya tidak didakwa di mahkamah. lni bererti elemen kedua dan ketiga bagi kesalahan dalam pertuduhan pertama telah dibuktikan. Jadi pihak pendakwa telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT1 bagi pertuduhan pertama.

[92] Semasa SP17 disoal balas, pihak pembelaan telah mengemukakan percakapan OKT1 yang telah diberi di bawah s. 45 APR 1997, sebagai eksibit pihak pembelaan ('D45'). D45 itu sendiri menunjukkan bahawa ia adalah pernyataan yang dibuat oleh OKT1 selepas notis di bawah s. 45(3) APR 1997 diberi kepadanya.

[93] Walaupun ketika menimbangkan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT1 bagi pertuduhan kedua, hakim bicara kedua telah mengambil kira D45, dalam mempertimbangkan sama ada terdapat kes *prima facie* bagi pertuduhan pertama, beliau telah tidak menimbangkan D45. Peguam berhujah bahawa mahkamah boleh dan hendaklah mengambil kira D45 di dalam membuat pertimbangan sama ada terdapat kes *prima facie* atau tidak. Teras hujah Timbalan Pendakwa Raya pula tentang isu ini ialah – D45 boleh diterima masuk dalam keterangan tetapi kebenaran kandungannya tidak boleh diterima. Timbalan Pendakwa berhujah bahawa D45 itu adalah self exculpatory statement. Oleh itu ianya tidak cukup untuk membuktikan kebenarannya. Menurut Timbalan Pendakwa Raya, oleh kerana pembuatnya tidak boleh disoal balas, probative valuenya kurang. Kes-kes *Hyecinth Ihejirika v. PP* [1994] 1 SLR 360 dan *PP v. Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233 (FC) telah dirujuk sebagai otoriti. Seksyen 45 APR 1997 memperuntukkan:

> (1) Dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan oleh sesuatu mahkamah tentang suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan salah atau tidak, secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan atau tidak dan sama ada atau tidak keseluruhannya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh seseorang orang tertuduh kepada atau dengan didengar oleh mana-mana pegawai Badan, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai lain Badan atau mana-mana orang, sama ada yang terlibat atau tidak dalam penangkapan orang itu, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan orang itu dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi, pada pendapat mahkamah itu, untuk memberi orang itu alasan yang pada pendapatnya munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya.

(3) Jika seseorang ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disampaikan padanya suatu notis bertulis, yang hendaklah diterangkan kepadanya, yang bermaksud seperti yang berikut:

> Kamu telah ditangkap/dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas (kesalahan di bawah Akta ini yang mungkin dipertuduhkan). Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakannya sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu is ditulis, ini akan dilakukan.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sesuatu pernyataan oleh mana-mana orang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang dibuat sebelum ada masa untuk menyampaikan notis di bawah subseksyen itu tidaklah menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana tiada notis sedemikian telah disampaikan kepada orang itu jika notis sedemikian disampaikan padanya dengan seberapa segera yang semunasabahnya mungkin selepas itu.

(5) Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang orang tertuduh pada menjawab notis bertulis yang disampaikan padanya menurut subseksyen (3) boleh ditafsirkan sebagai pernyataan yang disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2), jika pernyataan itu dibuat selainnya dengan sukarela.

(6) Jika dalam mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, keterangan diberikan bahawa tertuduh, apabila dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa kerananya, gagal menyatakan apa-apa fakta, iaitu fakta yang dalam hal keadaan yang wujud pada masa itu dia semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakan apabila dimaklumkan sedemikian, maka mahkamah, dalam menentukan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan dalam menentukan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dipertuduhkan, boleh membuat apa-apa kesimpulan daripada kegagalan itu sebagaimana yang pada pendapatnya patut; dan kegagalan itu boleh, berasaskan kesimpulan itu, dikira sebagai,

atau sebagai dapat terjumlah kepada, sokongan apa-apa keterangan yang diberikan terhadap tertuduh yang berhubungan dengannya kegagalan itu adalah suatu perkara matan.

(7) Tiada apa-apa juga dalam subseksyen (6) boleh, dalam mana-mana prosiding jenayah:

(a) menjejaskan kebolehterimaan sebagai keterangan perbuatan berdiam diri atau apa-apa reaksi lain tertuduh semasa apa-apa jua dikatakan dalam kehadirannya berhubungan dengan kelakuan yang berkenaan dengannya dia dipertuduh, setakat yang keterangan sedemikian akan boleh diterima selain daripada oleh sebab subseksyen itu; atau

(b) dikira sebagai menghalang pembuatan apa-apa kesimpulan daripada apa-apa perbuatan berdiam diri atau reaksi lain tertuduh yang dapat dibuat selain daripada oleh sebab subseksyen itu.

[94] Adalah jelas bahawa kecuali terdapatnya perkataan-perkataan "walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan", s. 45(1) APR 1997 adalah serupa dengan peruntukan mengenai percakapan beramaran di bawah s. 113(1) Kanun Tatacara Jenayah dan juga s. 37A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Seksyen 45(2) APR 1997 adalah serupa dengan peruntukan di bawah proviso kepada s. 113(1) Kanun Tatacara Jenayah dan juga peruntukan di bawah proviso (a) kepada s. 37A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[95] Walau bagaimanapun peruntukan di bawah proviso (a)(ii) kepada s. 113(1) (yang serupa dengan proviso kepada s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952), yang mengandungi amaran bahawa "It is my duty to warn you that you are not obliged to say anything or to answer any question, but anything you say, whether in answer to a question or not, may be given in evidence", tidak wujud lagi di bawah s. 45 APR 1997. Sebaliknya, seperti yang dapat dilihat, s. 45(3) APR 1997 memperuntukkan satu notis bertulis hendaklah diberikan jika seseorang itu dia telah ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa. Kandungan notis itu adalah berlainan dari amaran yang terkandung di bawah s. 113(1)(a)(ii) Kanun Tatacara Jenayah atau s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[96] Amaran dalam notis itu tidak mengatakan bahawa orang yang diberi notis itu mesti memberikan pernyataan. Tetapi jika orang itu ada apa-apa fakta yang hendak digunakan dalam pembelaannya, dia dinasihati supaya menyatakannya pada masa itu (selepas notis itu diberi). Jika orang itu tidak menyatakan fakta-fakta tersebut pada masa itu dan sebaliknya menunggu sehingga dia pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangannya akan dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes orang itu pada amnya. Jika orang itu mahu menyatakan apa-apa fakta pada masa itu dan mahu ianya ditulis, maka ianya akan ditulis. Nampaknya orang itu ada pilihan sama ada dia hendak menyatakan apa-apa fakta pada masa itu atau

tidak. Tetapi menurut s. 45(6), jika orang itu gagal menyatakan apa-apa fakta yang dia semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakan pada masa itu, maka mahkamah, dalam menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap orang itu (jika orang itu kemudiannya dituduh), boleh membuat apa-apa kesimpulan daripada kegagalan itu sebagaimana yang mahkamah fikirkan patut. Ertinya, tidak semestinya kegagalan menyatakan fakta-fakta itu pada masa itu (selepas notis itu diberi) akan berakhir dengan mahkamah membuat kesimpulan yang adverse terhadap orang itu, tetapi risikonya sedemikian memang ada. Soal yang timbul untuk keputusan mahkamah ialah:

(i) Sama ada D45 boleh diterima masuk dalam keterangan di peringkat kes pihak pendakwaan; atau

(ii) Jika jawapan kepada soalan satu "boleh", apakah pendekatan yang patut diambil oleh mahkamah di dalam menangani D45.

[97] Tentang isu pertama berdasarkan kepada s. 45(1), D45 boleh diterima masuk sebagai keterangan dalam perbicaraan OKT1. Tetapi soalnya bolehkah D45 diterima masuk dalam keterangan di peringkat kes pendakwaan? Untuk menjawab persoalan ini rujukan perlu dibuat kepada s. 45(6) APR 1997. Bagi saya s. 45(6) APT 1997 menerangkan dengan lebih jelas lagi akibat kegagalan seseorang yang telah diberi notis di bawah s. 45(3) APR 1997, menyatakan apa-apa fakta yang hendak digunakannya dalam pembelaannya di mahkamah. Menurut s. 45(6) jika orang kena tuduh gagal memberikan apa-apa fakta (iaitu fakta yang dalam keadaan yang wujud pada masa itu dia semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakan apabila dia dimaklumkan bahawa dia mungkin akan didakwa atas suatu kesalahan di bawah APR 1997), di dalam menimbangkan sama ada kes *prima facie* telah terbukti terhadapnya, mahkamah boleh membuat apa-apa kesimpulan yang difikirkannya patut akibat dari kegagalannya itu (termasuk kesimpulan yang adverse terhadapnya). Bagaimana pula kedudukannya jika selepas dimaklumkan bahawa dia mungkin akan didakwa atas sesuatu kesalahan di bawah APR 1997 dan notis di bawah s. 45(3) APR 1997 diberikan kepadanya, orang kena tuduh telah memberikan pernyataan yang mengandungi fakta-fakta yang hendak digunakan dalam pembelaannya. Perkara ini tidak dijelaskan di bawah ss. 45(3) atau 45(6) APR 1997. Dalam penghakiman saya, jika kegagalan orang kena tuduh memberikan apa-apa fakta selepas di bawah s. 45(3) diberi boleh diambil kira oleh mahkamah untuk menentukan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kes *prima facie* terhadap orang kena tuduh, seperti yang diperuntukkan di bawah s. 45(6) APR 1997, maka sudah semestinyalah apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang kena tuduh selepas notis di bawah s. 45(3) APR 1997 diberi kepadanya, diambil kira juga oleh mahkamah di dalam menentukan persoalan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kes *prima facie* terhadap orang kena tuduh itu. Pada hemat saya hanya tafsiran sedemikian sahajalah yang

merupakan tafsiran yang logik, munasabah dan adil mengenai persoalan yang timbul mengenai D45. Tambahan pula memang telah ada otoriti dari mahkamah yang tertinggi di negara ini yang menyokong kebolehterimaan pernyataan amaran orang kena tuduh di peringkat kes pendakwaan. (Lihat *PP v. Mohamed Noor Jantan* [1979] 1 LNS 77; [1979] 2 MLJ 80 (FC), *PP v. Lin Lian Chen* [1990] 2 CLJ 1020; [1990] 2 CLJ (Rep) 746, *PP v. Lin Lian Chen* [1992] CLJ 2086; [1992] 2 CLJ (Rep) 285; [1992] 2 MLJ 561, *PP v. Adetunji Adeleye Sule* [1993] 3 CLJ 113; [1993] 2 MLJ 70 (FC)).

[98] Tentang isu kedua pula rujukan boleh dibuat kepada *PP v. Adetunji Adeleye Sule* [1993] 3 CLJ 113; [1993] 2 MLJ 70 di mana Mahkamah Persekutuan telah memperkatakan tentang "voluntary out of court statement" yang "wholly exculpatory" dan memutuskan bahawa pernyataan beramaran (yang mana jika benar boleh menjadi jawapan sepenuhnya kepada pertuduhan) tidak seharusnya menjadi "proof to the contrary" yang mencukupi untuk mematahkan anggapan statutori yang ditimbulkan terhadap orang kena tuduh. Di ms. 73-74 Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> With respect to the trial judge, we considered that he was wrong to have acquitted the respondent at the close of the case for the prosecution because, neither the conduct and demeanour of the respondent accepting that to be consistent with innocence, nor his cautioned statement, (which, if true was a complete answer to the charge), should have constituted 'proof to the contrary' sufficient to rebut the statutory presumptions raised against him, having regard to the principles enunciated in *PP v. Yuvaraj*.
>
> To elaborate, the conduct and demeanour of an accused may well be relevant and may therefore be taken into consideration when considering what weight should be accorded to the defence version but it should not by themselves be sufficient to rebut a statutory presumption which has been raised against an accused person.
>
> In the same way, in a case where the onus lies on an accused to rebut a statutory presumption, a voluntary out of court statement by the accused - and this would include a cautioned statement - which is wholly exculpatory should not be made the foundation of an order of acquittal especially at the close of the case for the prosecution, since, at that stage, the accused not having given evidence himself, his explanations could not be tested by cross-examination.
>
> In *Day v. Dyson*, the defendant - on whom lay the burden of proof on the issue of a defence based on s 92 of the Australian Constitution that the vehicle in question was being used in the course of interstate trade - sought to rely on claims as to an interstate operation contained in an interview with the defendant which was led in evidence by the prosecution. It was held that, in a case where the onus lies on the defendant, evidence of innocence must be found elsewhere than in unsworn statements made out of court by the defendant or his agents.

A With respect, in our view, it is not correct to say that an unsworn self-serving out of court statement by an accused by itself is incapable, as a matter of law, of discharging an onus which lies upon him. The proper comment should be that such a statement should not be sufficient by itself to discharge the onus lying on the accused.

B **[99]** Kes *PP v. Adetunji* itu telah dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan dalam *PP v. Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233, di ms. 250-253.

[100] Di dalam kes *PP v. Adetunji* juga Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan bahawa keadaan dalam kes *PP v. Lee Lian Chen* (yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan sebelum *PP v. Adetunji*), adalah C berbeza dari kes *PP v. Adetunji* kerana di dalam kes *PP v. Lee Lian Chen*, selain dari "wholly exculpatory statement" orang yang kena tuduh yang telah diterima masuk di peringkat kes pendakwaan, terdapat keterangan lain yang telah dipertimbangkan oleh mahkamah perbicaraan. Sehubungan itu Mahkamah Persekutuan menyatakan:

D This immediately brings to mind our decision in *PP v. Lin Lian Chen*, an appeal against an order of acquittal and discharge recorded at the close of the case for the prosecution, in a drug trafficking case where it was alleged by the prosecution that the accused was found in possession of heroin recovered from a car which he was driving at the time he was E stopped and arrested. In upholding a submission of no case to answer, the trial judge had relied, not just on the wholly exculpatory statement of the accused (which he had admitted over the objection of the learned Deputy Public Prosecutor) but on other cogent evidence appearing in the case for the prosecution, which went to show that the explanation in the cautioned statement as to the circumstances whereby he came to be F driving the car, which was not his, at the behest of a friend and the circumstances under which a plastic bag containing the offending drug had been placed in the car by an old man, the contents of which he knew nothing of, could reasonably and probably be true.

On appeal, it was held, dismissing the appeal and upholding the order of acquittal and discharge, that: (1) the trial judge was correct in admitting G the cautioned statement of the accused; (2) having regard to the circumstantial evidence, it could not be reasonably inferred that the accused must have been in custody or control of the drugs; and (3) in the circumstances, there was insufficient evidence, to attract the presumption of possession or control under s 37(d) and consequently of trafficking under s 37(da). H

In the circumstances, *Lin Lian Chen*'s case is readily distinguishable from the present case and we would take the opportunity to say that we see no reason whatever to depart from anything we had said there.

[101] Dalam kes *R v. Sharp (Colin)* [1988] 1 WLR 7, persoalan tentang I pendekatan yang patut diambil oleh mahkamah di dalam mempertimbangkan "mixed statement" timbul untuk keputusan House of Lords.

[102] Di dalam kes tersebut orang kena tuduh telah dituduh dengan kesalahan pecah rumah. Di dalam perbicaraannya, pernyataan yang dibuat kepada polis secara sukarela telah dikemukakan sebagai keterangan oleh pihak pendakwa. Di dalam perbicaraan itu orang kena tuduh tidak memberikan keterangan dan dia telah disabitkan. Di dalam rayuannya persoalan timbul tentang kewajaran summing up hakim perbicaraan kepada juri tentang pernyataan yang telah dibuat oleh orang kena tuduh kepada polis, yang ditimbang oleh hakim perbicaraan sebagai "mixed statement" – iaitu pernyataan yang sebahagiannya adalah admission dan sebahagian lagi bersifat exculpatory. Di dalam penghakimannya Lord Havers menyatakan di ms. 10-11:

> In his summing up the judge treated the defendant's statement as a "mixed statement", that is, a statement that is in part admission and in part exculpatory. He directed the jury that they were entitled to regard that part of the defendant's account in which he said he was in the area at the time of the burglary as an admission and therefore evidence of the fact that he was there, but that the other parts of the statement which explained his reason for being there were exculpatory and therefore were not evidence of the facts related.
>
> The Court of Appeal allowed the appeal and quashed the conviction. They held that the direction to the jury that the exculpatory parts of the statement were not evidence of the truth of the facts there related was contrary to the recent decisions of the Court of Appeal in *Reg v. Duncan*, 13 Dr App 20 R 359 and *Reg v. Hamand* (1985) 82 Cr App R 65.

In *Duncan*, Lord Lane CJ said, at p. 365:

> Where a mixed statement is under consideration by the jury in a case where the defendant has not given evidence, it seems to us that the simplest and therefore, the method most likely to produce a just result, is for the jury to be told that the whole statement, both the incriminating parts and the excuses or explanations, must be considered by them in deciding where the truth lies. It is, to say the least, not helpful to try to explain to the jury that the exculpatory parts of the statement are something less than evidence of the facts they state. Equally, where appropriate, as it usually will be, the judge may, and should, point out that the incriminating parts are likely to be true (otherwise why say them?), whereas the excuses do not have the same weight. Nor is there any reason why again where appropriate, the judge should not comment in relation to the exculpatory remarks upon the election of the accused not to give evidence.

Commenting upon this passage in *Duncan*, the Court of Appeal said:

> That passage represented a departure from the approach to mixed statements which had undoubtedly been adopted for many years and may well have created difficulties amongst those judges who are called upon to try criminal cases. Be that as it may, that decision is binding upon this court and it was followed in *Reg v. Hamand*, 82 Cr App R 65.

A Your Lordships gave leave to appeal in this case because this comment in the judgment of the Court of Appeal might be taken to cast doubt upon the correctness of the decision in *Duncan*. However, an examination of the authorities shows that the approach in *Duncan* is of respectable antiquity and that it is only in comparatively modern authorities that it has been questioned.

B

[103] Menurut Lord Havers, berat otoriti-otoriti menyokong keputusan dalam kes *R v. Duncan* yang dirujuk dalam kes itu. Selepas merujuk kepada berbagai-bagai otoriti, Lord Havers telah menyatakan bahawa prinsip yang diputuskan oleh Lord Lane CJ dalam *R v. Duncan* adalah betul dan hendaklah diikuti. Di ms. 14 hingga 15, Lord Havers menyatakan:

C

The most recent authority in thin line is the decision of the Privy Council in *Leung Kam-Kwok v. The Queen* (1984) 81 Cr App R 83. The appellant, during the course of an armed robbery, had fired a shot which killed the wife of one of the employees where the robbery was taking place. The appellant made statements in which he admitted shooting the woman but
D claimed that he had had no intention to do so and had intended to fire only a warning shot. In the course of giving the judgment of the Board, Lord Roskill said, at p. 91:

> If an accused person in a statement not made on oath in court denies his guilt, saying for example 'I am not guilty: I was not
E there' and no more, that statement is not evidence of the truth of his absence from the scene of the crime and thus of the truth of his alibi. But if such a statement consists partly of an admission and partly of an explanation for example 'I shot him: it was an accident' or 'I shot him: I was provoked' the admission is partly admissible and common fairness requires that the entirety of the
F statement should be admitted so as to show the precise context in which the admission was made, even though what is said by way of explanation or excuse is not evidence of its truth. Where the accused goes into the witness box and repeats the explanation or excuse on oath there is no problem. Where he does not go into the witness box it behoves the trial judge, when dealing in his
G summing up with the admission, in common fairness to the accused, also to refer to the accompanying explanation or excuse has not been supported by evidence on oath before the jury. It is then for the jury to evaluate the admission and the unsworn explanation or excuse as they think fit.

H My Lords, the weight of authority and common sense lead me to prefer the direction to the jury formulated in *Duncan*, 73 Cr App R 359 to an attempt to deal differently with the different parts of a mixed statement. How can a jury fairly evaluate the facts in the admission unless they can evaluate the facts in the excuse or explanation? It is only if the jury think that the facts set out by way of excuse or explanation might be true that
I any doubt is cast on the admission, and it is surely only because the excuse or explanation might be true that it is thought fair that it should

be considered by the jury. I agree with Lawton LJ that a jury will make little of a direction that attempts to draw a distinction between evidence which is evidence of facts and evidence in the same statement which whilst not being evidence of facts is nevertheless evidentiary material of which they may make use in evaluating evidence which is evidence of the facts. One only has to write out the foregoing sentence to see the confusion it engenders.

I cannot improve upon the language of Lord Lane CJ in *Duncan* and will not attempt to do so. It is in my opinion rightly decided and should be followed.

[104] Dalam D45, OKT1 mengaku bahawa dia telah diperkenalkan oleh OKT2 dengan SP1 yang juga dikenali sebagai Ajib. Dalam pertemuan itu OKT2 telah memberitahu OKT1 bahawa SP1 adalah kawan rapatnya. Oleh kerana pada ketika itu dia sedang mencari rumah, OKT1 telah memberitahu OKT2 dan SP1 perkara itu. SP1 memberitahu OKT1 bahawa dia sedang mencari tempat untuk dibuat mess dan telah mencadangkan kepada OKT1 supaya berkongsi dengannya. OKT1 bersetuju dengan cadangan itu dengan syarat dia boleh menyumbangkan RM500 sebulan. OKT1 mengaku bahawa dalam bulan Mei 1998, dia telah mula masuk ke premis tersebut. OKT1 menyatakan bahawa dia masuk ke premis tersebut hanya sebagai sub-tenant kepada SP1 dan bayaran RM500 sebulan dibayar olehnya kepada SP1. OKT1 menyatakan dia telah membayar sewa RM500 sebulan itu hingga Oktober 1998. Bagi bulan November 1998 dan Disember 1998, dia tidak bayar RM500 kerana dia tidak jumpa dengan SP1 lagi. OKT1 mengaku bahawa dia telah keluar secara rasmi dari premis tersebut pada bulan Januari 1999. OKT1 berkata sehingga pernyataan dalam D45 dibuat olehnya dia belum lagi membayar sewa bagi bulan November dan Disember 1998 kepada SP1.

[105] OKT1 juga menyatakan bahawa dia sering berjumpa dengan SP1 yang selalu datang ke premis tersebut. Menurut OKT1 sebelum berpindah ke premis tersebut dia, OKT2 dan SP1 telah menjadi kawan rapat. OKT1 menyatakan bahawa oleh kerana persahabatan yang rapat itu, SP1 telah menghadiahkan kepadanya satu jam tangan Philippe Charriol yang menurutnya bernilai RM3,000 dalam bulan Mei 1998. Jam itu telah dibeli di Pusat Youhan Kuala Lumpur. Ketika jam itu dibeli OKT1 ada bersama-sama. OKT1 tidak menolak jam tersebut kerana dia menganggapnya satu hadiah tanda persahabatan tanpa apa-apa motif. Selain itu, OKT1 juga menyatakan bahawa SP1 telah memberinya satu telefon bimbit jenis startac jenama Motorola (baru) yang bernilai lebih kurang RM1,000. OKT1 menganggap pemberian ini juga sebagai hadiah tanpa apa-apa motif rasuah.

[106] Menurut OKT1, SP1 juga telah menyumbang kepada pembayaran bagi pembelian satu tali pinggang jenama Philippe Charriol. Tali pinggang itu berharga RM400. Menurut OKT1, SP1 "insist" untuk membayar harga tali pinggang itu.

[107] OKT1 juga menyatakan bahawa lebih kurang dalam bulan Ogos 1998, SP1 telah mencadangkan supaya OKT1 melabur dalam satu projek pembelian tanah di Rawang. Menurut OKT1 dia terpengaruh dengan cakap SP1 dan telah menyumbangkan RM50,000, melalui "cash cheque" yang diperolehi dari seorang kawannya bernama Chong Chit Heng iaitu seorang pengusaha kelapa sawit. Selain itu OKT juga telah membayar sebanyak RM15,000 lagi apabila SP1 memintanya untuk menambah pelaburan. Menurut OKT1, dia tidak menerima apa-apa akuan penerimaan dari SP1 berkaitan pembayaran RM65,000 itu yang telah dibuat atas dasar kepercayaan.

[108] Lebih kurang dalam bulan Oktober 1998, OKT1 telah berhadapan dengan SP1 menyoal tentang pelaburan tersebut. SP1 memberitahu OKT1 bahawa dia bekerja dengan SP15. Menurut OKT1 pada ketika itu dia tahu bahawa SP15 sedang disiasat oleh BPR. OKT1 menyatakan bahawa pada ketika itu tiada apa-apa kertas siasatan berhubung kes SP15 telah dirujuk kepadanya. Selepas itu, OKT1 tidak berjumpa lagi dengan SP1 sehingga 18 November 1999. OKT1 telah memberitahu OKT2 tentang pelaburan tersebut dan juga tentang dakwaan SP1 bahawa dia bekerja dengan SP15. OKT2 menyatakan bahawa dia telah lama mengenali SP1. OKT2 menyatakan SP1 tidak ada hubungan dengan SP15 dan bahawa jika benar SP1 ada hubungan dengan SP15, dia (OKT2) tidak akan memperkenalkan SP1 kepada OKT1. OKT2 juga menyatakan bahawa dia juga ada membenarkan nama isterinya digunakan oleh SP1 untuk membeli kereta bagi kegunaan SP1.

[109] Menurut OKT1 dia percaya dengan apa yang dikatakan oleh OKT2 itu, kerana jika dakwaan SP1 tentang hubungannya dengan SP15 benar, sudah tentu OKT2 tidak akan terlibat dengan SP1 kerana cawangan ekonomi BPR di mana OKT2 bertugas ada menyiasat kes SP15. OKT2 memberitahu OKT1 bahawa mungkin dakwaan SP1 tentang hubungannya dengan SP15 itu telah digunakan oleh SP1 untuk menakutkan OKT1 dari menanya tentang pelaburan RM65,000 yang telah dibuatnya. Menurut OKT1 dia bersetuju dengan apa yang dikatakan OKT2 itu kerana, jika dia kejar SP1 tentang pelaburan RM65,000 itu, SP1 boleh membuat tohmahan terhadap OKT1 tentang kes SP15 dan itu akan menyusahkan OKT1. Hanya selepas SP15 dituduh barulah OKT1 beria-ia mencari SP1 untuk menyelesaikan kes pelaburannya, tetapi OKT1 tidak berjaya menemui SP1. Seterusnya, dalam D45 itu OKT1 menyatakan:

> Walaupun saya tahu sebagai penjawat awam saya akan melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah dan Kanun Keseksaan sekiranya saya menerima apa-apa hadiah atau berurus dengan orang yang ada kaitan dengan tugas saya namun saya tidak melaporkannya kerana mengikut kepercayaan saya apa-apa yang berlaku di antara saya, Ajib dan Rahiman tiada unsur jenayah.
>
> Saya pasti sepanjang pergaulan saya dengan Ajib tidak ada kes Saidin dibincangkan secara spesifik namun ada kemungkinan kes Saidin ada diperkatakan secara sambil lalu. Saya juga tidak ada meneliti kertas

siasatan Dato Saidin Thambi walaupun menurut rekod pendakwaan kertas siasatan ini telah diserahkan kepada saya dari tarikh 9.4.99 hingga 14.4.99. Saya tidak sedar kertas siasatan ada dirujuk kepada saya sehingga saya ditunjukkan dengan rekod pergerakan kertas siasatan Dato Saidin Thambi tersebut. Saya diberitahu oleh kerani Cik Rubiah bahawa kertas siasatan ini telah diambil dari bilik saya semasa ketiadaan saya.

Saya ingin menyatakan di sini, sepanjang ingatan saya, saya ada pernah memberi pendapat saya kepada Datuk Peguam Kanan Persekutuan setelah KS ini diserahkan kepada Peguam Negara untuk arahan tuduh atau tidak. Perbincangan ini berlaku pada satu tarikh yang saya tidak ingat di bilik Datuk Peguam Kanan Persekutuan apabila timbul isu Saidin Thambi ini. Datuk maklumkan bahawa kertas Saidin Thambi telah dihantar ke Jabatan Peguam Negara dan beliau cadang pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana kesalahan ini dilakukan dalam tahun 1997. Saya memaklumkan kepada Dato bahawa pertuduhan sepatutnya di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961 oleh kerana Akta Pencegahan Rasuah 1997 hanya berkuatkuasa mulai 8.1.98. Dato Peguam Kanan Persekutuan telah meminta pandangan saya samada Dato Saidin boleh dituduh di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1961 kerana isunya ialah samada seorang wakil rakyat itu adalah seorang penjawat awam. Saya mengatakan beliau masih boleh dituduh dengan menggunakan ujian kes PP lawan Tan Cheng Swee.

Mengenai apa yang berlaku di antara Ajib dan saya, selain daripada saya, saya juga ada memaklumkan kepada pegawai BPR En. Zuhaidi berhubung pelaburan saya dengan Ajib. Saya juga ingin mengesahkan di sini saya tidak pernah berjumpa dengan Dato' Saidin Thambi bagi apa-apa tujuan pun. Saya juga tidak ada berjanji kepada mana-mana orang termasuk Ajib yang saya boleh bantu selesaikan kes Dato Saidin Thambi yang disiasat oleh BPR.

[110] Di dalam kes ini, dalam pengamatan saya D45 adalah satu pernyataan di luar mahkamah yang merupakan mixed statement seperti yang dihuraikan dalam *R v. Sharp (Colin)*. Ini adalah kerana secara intipatinya dalam D45 OKT1 mengaku bahawa dia telah mendiami premis tersebut (suapan) pada masa-masa yang material seperti dalam tuduhan, tetapi dia memberikan penjelasan bahawa dia menyewa di premis itu sebagai sub-tenant dan membayar sewa RM500 sebulan kepada SP1. OKT1 juga mengaku ada menerima dari SP1 satu jam tangan Philippe Charriol (suapan) dalam bulan Mei 1998, tetapi OKT1 memberikan penjelasan bahawa jam tangan itu telah diberi oleh SP1 sebagai hadiah kerana persahabatan mereka yang rapat.

[111] Oleh itu saya patut mempertimbangkan D45 di akhir kes pendakwaan dan pendekatan yang patut diambil adalah seperti yang digunakan dalam *R v. Duncan*, 73 Cr App R 359 yang kemudiannya dijelaskan dan dipersetujui oleh House of Lords dalam *R v. Sharp*. Dalam pandangan saya pendekatan ini juga

menepati apa yang diperuntukkan di bawah s. 45 APR 1997 seperti yang telah saya huraikan. Jika kegagalan orang kena tuduh memberikan apa-apa pernyataan selepas notis di bawah s. 45(3) APR 1997 diberikan kepadanya, membolehkan mahkamah membuat apa-apa kesimpulan yang difikirkannya patut dari kegagalan itu di dalam mempertimbangkan sama ada kes *prima facie* telah dibuktikan (s. 46(6) APR 1997), adalah logik, wajar dan adil apa-apa pernyataan yang telah diberi oleh orang kena tuduh selepas notis di bawah s. 45(3) diberi, dipertimbangkan juga oleh mahkamah di dalam memutuskan sama ada kes *prima facie* telah terbukti.

[112] Berdasarkan kepada pendekatan itu dalam menimbangkan di mana letaknya kebenaran, saya perlu menimbangkan keseluruhan kandungan D45 dan menimbangkan bahagian yang incriminating dan juga bahagian yang memberikan alasan atau penjelasan. Saya telah menilai keseluruhan kandungan D45 bukan in isolation, tetapi bersekali dengan kesemua keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Saya mendapati bahawa apa yang dinyatakan oleh OKT1 dalam D45 gagal untuk menyangkal on the balance of probability bahawa dia telah mendiami di premis tersebut sebagai suapan yang diterima secara rasuah dari SP1 sebagai dorongan kepadanya untuk menolong SP15 supaya tidak didakwa di mahkamah. Alasan-alasan saya adalah seperti berikut:

(i) Sebelum menerima wang RM300,000 dari SP15, SP1 bukan seorang yang kaya dan mempunyai wang yang banyak. SP1 mengaku bahawa dia berniaga kereta secara sambilan dan tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan tidak mempunyai pendapatan yang tetap setiap bulan. SP1 mempunyai dua orang isteri dan anak-anak yang perlu ditanggungnya. SP1 juga mengaku bahawa dia pernah jadi muflis kira-kira tiga tahun sebelum dia memberikan keterangan dalam kes ini pada tahun 2001. Pada hemat saya tidak ada sebab kenapa SP1 perlu menyewa premis tersebut dengan sewa RM1,900 sebulan dan melengkapkannya dengan peralatan, kemudian sanggup pula menyewakan bukan sebahagian tetapi keseluruhan premis tersebut kepada OKT1 sebagai sub-tenant dengan bayaran RM500 sebulan sahaja. SP1 dan OKT1 tidak mempunyai apa-apa pertalian keluarga. OKT1 bukanlah kawan baik SP1 yang telah dikenalinya lama. SP1 baru mengenali OKT1 melalui OKT2 dalam bulan April 1998 – iaitu beberapa hari sahaja sebelum premis itu disewa oleh SP1. Pada hemat saya juga tidak ada sebab kenapa beberapa hari selepas OKT1 masuk dan tinggal di rumah tersebut, SP1 telah tiba-tiba "bermurah hati" memberikan hadiah jam kepada OKT1 yang baru dikenali oleh SP1. Jam tersebut bukan seratus dua harganya, tetapi RM4,215! Seperti yang telah dinyatakan SP1 bukan seorang yang kaya raya. Sebelum diberi wang oleh SP15, SP1 hanya seorang peniaga sementara yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan pernah pula menjadi muflis.

(ii) Dalam D45 juga OKT1 menyatakan bahawa dia tidak pernah meneliti kertas siasatan kes SP15 walaupun menurut rekod pendakwaan kertas siasatan itu telah diserahkan kepadanya dari tarikh 9 April 1999 hingga 14 April 1999. OKT1 juga menyatakan bahawa dia tidak pernah berjumpa SP15 dan dia tidak pernah berjanji dengan mana-mana orang termasuk SP1 bahawa dia boleh membantu dalam kes SP15. Jika dengan kenyataan itu OKT1 ingin menyatakan bahawa dia tidak ada kuasa, hak atau peluang untuk menolong SP15 seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan terhadapnya ianya tidak dapat membantu kesnya. lni adalah kerana, menurut s. 12(1) APR 1997, jika dia telah dibuktikan secara rasuah menerima suapan, kesalahan di bawah s. 11(a) tetap telah dilakukan walaupun dia tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk melakukan perbuatan yang didakwa sebagai dorongan. Seterusnya, saya telah menimbangkan fakta-fakta yang berikut yang berlaku sebelum OKT1 mendiami premis tersebut:

(a) Selepas berbincang dengan Jalil untuk membantu SP15 dalam kesnya, melalui kawannya Zulkifli, SP1 telah bertemu dengan SP15. Dalam pertemuan itu SP1 telah memberitahu SP15 bahawa Jalil ada kawan dalam BPR yang mungkin boleh menolong SP15. SP15 telah memberikan SP1 calling kadnya (P3);

(b) Melalui Jalil, SP1 telah bertemu dan berkenalan dengan OKT2. Tujuan SP1 berkenalan dengan OKT2 ialah untuk mempengaruhinya untuk menolong dalam kes SP15. Selepas beberapa pertemuan dengan OKT2, akhirnya OKT2 menunjukkan tanda-tanda untuk menolong;

(c) Melalui usaha SP1, pada 8 April 1998 pertemuan telah diadakan di antara SP1, OKT2, Jalil dan SP15 di bilik No. 212, Hotel Pan Pacific. SP15 bertanyakan OKT2 perkembangan kesnya. OKT2 memberitahu bahawa kes masih di peringkat awal dan dia akan menolong SP15. SP15 memberitahu SP1 bahawa dia berpuas hati dengan perjumpaan itu dan meminta SP1 menghubunginya pada keesokan harinya. OKT2 terlibat secara langsung membantu SP13 dalam siasatan kes SP15, seperti merakamkan pernyataan saksi, menyoal siasat saksi dan penggeledahan di rumah dan pejabat SP15;

(d) Pada 9 April 1998 SP1 telah berjumpa dengan SP15 dan SP15 telah memberi SP1 sekeping cek (P5) bernilai RM80,000. SP15 memberitahu SP1 bahawa beliau tidak mahu tahu dengan siapa SP1 berurusan selepas itu, yang pentingnya kes beliau selesai;

(e) Pada 15 April 1998, SP1 menerima sekeping cek lagi (P6) dari SP15 yang bernilai RM47,000;

(f) Pada hujung April 1998, SP1 telah diperkenalkan dengan OKT1 oleh OKT2;

(g) Selepas pertemuan tersebut SP1 telah berjumpa lagi dengan OKT1 di Hotel Fortuna, Jalan Bukit Bintang;

(h) Selepas pertemuan itu SP1 telah berjumpa lagi dengan OKT1 di hotel yang sama. Dalam pertemuan itu SP1 meminta bantuan OKT1 untuk menolong SP15. Dalam pertemuan itu OKT1 ada bertanya OKT2 sejauh mana kes telah sampai. OKT2 menjawab bahawa kes itu masih di peringkat siasatan. OKT1 hanya menganggukkan kepalanya dan berkata kes masih awal dan banyak masa lagi;

(i) Pada awal Mei 1998, OKT1 memberitahu SP1 bahawa dia terpaksa berpindah dari rumahnya di Sri Gombak kerana kawannya terpaksa membawa isterinya ke rumah tersebut. Pada 9 Mei 1998 SP1 telah menandatangani perjanjian sewa premis tersebut (P8) dan kesemua bayaran termasuk bayaran deposit sewa, bayaran deposit utiliti dan segala bayaran untuk melengkapkan premis tersebut dengan peralatan seperti tilam dan blind di bilik mandi, telah dibayar oleh SP1. SP1 menyatakan dia telah menanggung kesemua bayaran tersebut dari wang diberi oleh SP15 untuk memuaskan hati OKT1, supaya OKT1 dapat membantu kes SP15;

(iii) Keterangan dalam kes ini tidak terhenti di situ. Terdapat keterangan lain tentang apa yang berlaku selepas OKT1 mendiami premis tersebut. Kesemuanya telah saya pertimbangkan. Peristiwa-peristiwa tersebut adalah seperti berikut:

(1) Pada 19.5.1998, SP1 telah membeli sebuah jam Philippe Charriol berharga RM4,215.00 dan memberikannya kepada OKT1. Menurut SP1, dia telah membelikan jam tersebut untuk OKT1 untuk memuaskan hati OKT1 supaya OKT1 boleh menolong SP15 dalam kesnya. SP1 telah menggunakan wang yang diberi oleh SP15 untuk membeli jam itu. Sehubungan ini perlu ditegaskan bahawa bagi pertuduhan pertama saya telah mengambil kira fakta penerimaan jam tersebut oleh OKT1. Bagi mempertimbangkan pertuduhan kedua terhadap OKT1 saya telah menimbangkan fakta OKT1 mendiami premis tersebut pada masa yang material. Pada hemat saya kedua-dua fakta tersebut tidak boleh dinilai secara berasingan. Kedua-duanya hendaklah dinilai bersekali dengan keterangan lain dalam kes ini, kerana kedua-duanya berlaku dalam satu transaksi yang sama. Malahan di akhir kes pendakwaan saya telah menggunakan keterangan yang sama bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua terhadap OKT1,

(j) OKT2 telah menulis catitan (P16) di hadapan SP1 apabila SP1 mula bertanya soalan kepada OKT1 sama ada OKT1 mampu menolong SP15 dalam kes beliau. P16 dibuat untuk menunjukkan kepada SP1 di mana kedudukan OKT1 dalam organisasi BPR. lni berlaku dalam bulan September/Oktober 1998. Setelah P16 dibuat, kedudukan OKT1 sebagai Timbalan Pendakwa Raya menjadi lebih jelas kepada SP1;

(k) Semasa hubungan SP1 dengan OKT1 dan OKT2 rapat, SP1 telah menerima P24 dan P25 dari OKT2 di premis tersebut. SP1 telah diberitahu oleh OKT1 supaya datang ke premis tersebut. OKT1 juga memberitahu SP1 bahawa ada beberapa dokumen yang hendak diserahkan kepada SP1. Apabila SP1 sampai ke premis tersebut, OKT1 sudah ada di premis tersebut. Sejurus selepas itu, OKT2 telah menunjukkan P24 dan P25 kepada SP1 sambil diperhatikan oleh OKT1. Kemudian OKT1 telah meneliti kedua-dua dokumen tersebut dan berjanji untuk menelitinya pada hari yang lain kerana OKT1 berpendapat bahawa kes SP15 masih di peringkat awal. P24 adalah laporan awal siasatan BPR dalam kes SP15. P24 mengandungi antara lainnya laporan tentang perkembangan siasatan setakat P24 disediakan. P25 adalah percakapan Lee Kah Hoay (Frankie Lee) seorang saksi yang disebut dalam P24;

(l) SP1 telah menerima P26 dari OKT2;

(m) SP1 telah memperolehi P27 dari OKT1;

(n) SP1 telah menerima P29 dari OKT2;

(o) Selepas menerima dokumen-dokumen tersebut SP1 telah memberikan dokumen-dokumen itu kepada SP15, selepas membuat salinan fotostat untuk simpanannya;

(p) SP15 mengesahkan bahawa SP1 pernah menyerahkan kepadanya dokumen-dokumen mengenai kesnya. Apabila dirujuk P19, P24 hingga P29, SP15 mengaku ada melihat dokumen-dokumen tersebut tetapi dia tidak pasti kesemuanya atau sebahagiannya. SP15 menyatakan bahawa beliau menerima dokumen-dokumen tersebut dari SP1;

(q) P24 hingga P29 adalah dokumen-dokumen berkaitan kes SP15;

(r) SP1 menerima dari SP15 sekeping cek bertarikh 16 Oktober 1998 (P17) bernilai RM50,000;

(s) OKT1 telah mendiami premis tersebut dari bulan Mei 1998 hingga Disember 1998. OKT1 telah berpindah dari premis tersebut pada bulan Januari 1999. OKT1 memberitahu SP1 bahawa dia dalam keadaan tension dan ingin berpindah dari premis tersebut;

(t) SP1 ditangkap pada 11 November 1999;

(u) SP17 merampas P24 hingga P29 dari SP1;

(v) OKT2 ditangkap pada 12 November 1999;

(w) Pada 12 November 1999, jam tangan Philippe Charriol dirampas dari OKT1; dan

(x) Pada 19 November 1999 OKT1 telah ditangkap.

[113] Setelah menimbangkan secara cummulative keterangan yang telah saya senaraikan itu, hanya satu kesimpulan sahaja yang boleh saya buat iaitu – OKT1 telah tinggal di premis tersebut bukan sebagai sub-tenant, tetapi adalah sebagai suapan sebagai dorongan untuk menolong SP15 supaya tidak didakwa di mahkamah. Begitu juga dengan penerimaan jam Philippe Charriol pada 19 Mei 1998. Hanya satu kesimpulan yang boleh dibuat iaitu – OKT1 telah menerimanya sebagai suapan sebagai dorongan untuk menolong SP15 supaya tidak didakwa di mahkamah.

[114] Saya memutuskan bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap OKT1 bagi pertuduhan pertama.

[115] Sehubungan ini saya memutuskan bahawa kegagalan memanggil Jalil Md Som, Dato Abd Rahim Uda dan Abd Razak b. Idrus telah tidak menimbulkan gap dalam kes pihak pendakwaan. Tidak memanggil saksi-saksi tersebut dalam kes ini tidak mengundang pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan 1950. Keputusan untuk memanggil atau tidak seorang saksi adalah hak pihak pendakwa. Tanggungjawab mahkamah ialah menimbangkan sama ada dengan keterangan yang ada di hadapan mahkamah pihak pendakwa telah membuktikan kesnya, dan jika terdapat ciri-ciri yang tidak memuaskan hati dalam kes pihak pendakwaan mahkamah perlu memutuskan sama ada, dengan ciri-ciri yang tidak memuaskan hati itu, kes pihak pendakwa telah gagal dibuktikan (lihat *Teoh Hoe Chye v. PP & Another Case* [1987] 1 CLJ 471; [1987] CLJ (Rep) 386; [1978] 1 MLJ 220, di ms. 229 (SC)). Dalam kes ini keterangan yang ada telah pun membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT1.

[116] Di dalam pembelaannya bagi pertuduhan pertama OKT1 telah memberikan keterangan secara bersumpah. Penjelasannya tentang kenapa dia duduk di premis tersebut dari Mei 1998 hingga Disember 1998 adalah serupa seperti yang dinyatakannya dalam D45. OKT1 menyatakan bahawa kandungan D45 adalah benar.

[117] Setelah menimbangkan keterangan OKT1 saya memutuskan bahawa OKT1 telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pihak pendakwa (lihat *Thavanathan Subramaniam v. PP* [1997] 3 CLJ 150; [1997] 2 MLJ 401, ms. 423). Pihak pendakwa telah membuktikan beyond reasonable doubt kesnya terhadap OKT1 bagi pertuduhan pertama.

[118] Oleh itu rayuan OKT1 terhadap sabitan ditolak.

[119] Tentang soal hukuman, saya mendapati hakim bicara kedua telah tidak membuat kesilapan dari segi prinsip dan undang-undang di dalam menjatuhkan hukuman. Saya dapati beliau telah mengambil kira perkara-perkara yang patut dipertimbangkan. Setelah mendengar rayuan oleh peguam OKT1, saya memutuskan bahawa hukuman yang dijatuhkan itu tidaklah terlalu berat. Oleh itu, hukuman penjara dua tahun dikekalkan. Hukuman denda RM80,000 juga dikekalkan. Tetapi hukuman penjara in default bagi hukuman denda tersebut dikurangkan dari satu tahun kepada enam bulan.

Tuduhan Kedua

[120] Bagi pertuduhan kedua elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh Pendakwa Raya ialah:

(i) Pada tarikh yang material seperti dalam tuduhan, OKT1 adalah seorang ejen;

(ii) OKT1 telah menyetuju terima dari SP1 untuk dirinya sendiri suatu suapan, iaitu sebuah jam tangan Philippe Charriol bernilai RM4,215; dan

(iii) Suapan tersebut telah disetuju terima sebagai suatu dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipnya, iaitu hendak menolong SP15 supaya tidak didakwa di mahkamah.

[121] Seperti juga pertuduhan pertama, elemen pertama ini telah dibuktikan oleh keterangan SP6 dan SP9 seperti yang telah saya huraikan bagi pertuduhan pertama.

[122] Bagi elemen kedua, seperti yang telah saya nyatakan keterangan yang sama yang telah digunakan untuk membuat pertimbangan bagi elemen kedua dalam pertuduhan pertama, adalah terpakai. Pendeknya kesemua keterangan yang terpakai bagi mempertimbangkan kes *prima facie* bagi pertuduhan pertama seperti yang telah saya huraikan, adalah juga terpakai bagi mempertimbangkan kes *prima facie* bagi pertuduhan kedua, dan begitu jugalah sebaliknya. Seperti yang telah saya huraikan, penerimaan jam tangan Philippe Charriol oleh OKT1 dari SP1 berkaitan rapat dengan dan tidak dapat dipisahkan dari fakta OKT1 menerima manfaat mendiami premis tersebut di antara bulan Mei 1998 hingga Disember, kerana kedua-dua perkara itu berlaku dalam suatu transaksi yang sama. Penerimaan jam tangan itu oleh OKT1 adalah satu daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam tempoh masa yang bermula dengan pertemuan SP1 dan Jalil dengan SP15 (dengan bantuan Zulkifli) hinggalah OKT1 ditangkap. Dalam penghakiman saya, berdasarkan kepada keterangan tersebut, pihak pendakwa telah membuktikan bahawa OKT1 telah menyetuju terima dari SP1 untuk dirinya satu suapan seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 APR 1997, iaitu satu jam tangan Philippe Charriol. Ini bererti bahawa anggapan di bawah s. 42(1) APR 1997 telah timbul dan terpakai dalam kes ini. Akibatnya ialah – suapan itu (jam tangan tersebut) hendaklah dianggap telah disetuju terima secara rasuah sebagai dorongan yang dinyatakan dalam tuduhan pertama – iaitu hendak menolong SP15 yang sedang disiasat oleh BPR supaya tidak didakwa di mahkamah. Ini bererti elemen kedua dan ketiga bagi kesalahan dalam pertuduhan kedua telah dibuktikan. Jadi pihak pendakwa telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT1 bagi pertuduhan kedua.

[123] Mengenai D45, saya telah menggunakan pendekatan yang sama seperti yang saya gunakan di dalam mempertimbangkan D45 bagi pertuduhan pertama. Saya telah menimbangkan keseluruhan kandungan D45 dan menimbangkan bahagian-bahagian yang incriminating dan juga bahagian yang memberikan alasan atau penjelasan. Saya telah menilai keseluruhan kandungan D45 bukan secara berasingan, tetapi bersekali dengan kesemua keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa. Seterusnya, segala huraian yang telah saya buat di dalam menimbang D45 bagi pertuduhan pertama adalah terpakai bagi menimbangkan D45 bagi pertuduhan kedua. Saya memutuskan bahawa apa yang dinyatakan oleh OKT1 dalam D45 gagal untuk menyangkal on the balance of probability bahawa dia telah menerima jam Philippe Charriol itu secara rasuah sebagai dorongan kepadanya untuk menolong SP15 supaya tidak didakwa di mahkamah. Oleh itu saya memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT1 bagi pertuduhan kedua. Oleh kerana satu kes *prima facie* bagi kesalahan dalam pertuduhan kedua telah dibuktikan terhadapnya, OKT1 hendaklah dipanggil untuk membela dirinya bagi tuduhan kedua. Oleh yang demikian saya telah memerintahkan supaya keputusan hakim bicara kedua yang membebaskan OKT1 dari pertuduhan kedua diketepikan dan kes ini diremitkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan perintah supaya OKT1 dipanggil membela dirinya bagi pertuduhan kedua.

Orang Kena Tuduh Kedua

[124] Bagi pertuduhan utama terhadap OKT2, elemen yang perlu dibuktikan oleh Pendakwa Raya ialah:

(i) Pada tarikh yang material seperti dalam pertuduhan OKT2 adalah seorang ejen;

(ii) OKT2 secara rasuah telah menyetuju terima dari SP1 untuk dirinya suatu suapan, iaitu sebuah jam tangan jenis Rolex Oyster Perpetual; dan

(iii) Suapan tersebut telah disetuju terima sebagai suatu dorongan untuk melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya, iaitu hendak menolong SP15 supaya tidak didakwa di mahkamah.

[125] Elemen pertama telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwa dari keterangan SP6. Dalam keterangannya SP6 telah memberikan keterangan bahawa dia telah bertugas di BPR sejak 8 April 1994. Di antara tugas SP6 ialah mengemaskini rekod perkhidmatan OKT2. SP6 telah mengemukakan buku perkhidmatan OKT2 (P39). Menurut SP6, dalam tahun 1998, OKT2 adalah Penolong Pegawai Siasatan BPR dan beliau telah dilantik ke jawatan itu pada 28 Julai 1991. Sebelum itu OKT2 telah berkhidmat sebagai penghitung di Jabatan Perakaunan pada 12 Februari 1979. Pada 1 Januari 1980, OKT2 telah berpindah tugas sebagai Pegawai Kastam Tingkatan Satu. OKT2 telah berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Siasatan di BPR dari 29 Julai 1991 hingga dia ditahan kerja pada 12 November 1999.

[126] Mengenai elemen kedua kes pihak pendakwa banyak bergantung kepada keterangan SP1. Keterangan SP1 terhadap OKT1 seperti yang telah saya huraikan, terpakai juga dalam mempertimbangkan kes terhadap OKT2, dengan satu tambahan iaitu keterangan SP1 tentang pembelian jam Rolex Oyster Perpetual (P7) pada 17 April 1998 di sebuah kedai jam di kompleks membeli belah "The Mall". Menurut keterangan SP1 dia telah membayar harga jam itu sebanyak RM3,000. Ketika menjawab soalan kenapa dia membayar harga jam itu, SP1 menyatakan:

> Sepanjang ingatan saya, tujuan saya ke kedai itu untuk baiki lighter Jepun saya yang warna kelihatan pudar. Bila pergi kedai itu tuanpunya kedai yang bernama Yong telah mengeluarkan satu lighter baru dan mencadangkan agar saya membeli lighter tersebut sementara lighter lama saya dibaik pulih. Pada waktu yang sama, Encik Yong telah menunjukkan sebuah jam tangan Rolex terpakai kepada saya. Saya pun memegang jam tersebut sambil diperhatikan oleh Rahiman, lalu saya bertanya kepada Rahiman samada beliau hendak ke tidak jam tersebut. Rahiman tidak berkata apa-apa tetapi tersenyum dan memegang jam tersebut.
>
> Saya beranggapan yang beliau sukakan jam tersebut lalu menawarkan harga yang ditawarkan kepada saya. Kemudian Yong bersetuju menjual jam tersebut dengan harga RM3,000.00. Saya membayar tunai jam tersebut. Sebelum beredar Encik Yong telah mengeluarkan resit service lighter Jepun saya yang terpakai kepada saya. Tidak pasti samada Yong keluarkan resit untuk pembelian jam itu.
>
> Saya ada simpan resit lighter itu.

[127] SP1 telah mengecamkan Yong Sin Fah (SP11) sebagai orang yang telah menjual jam tangan tersebut.

[128] Dalam keterangannya SP11 menyatakan bahawa beliau berniaga menjual jam tangan di Syarikat Golden Time di 3.03, The Mall, Jalan Putra Kuala Lumpur. SP11 menyatakan bahawa dia telah kenal OKT2 selama 21 tahun dan dia mula-mula mengenali OKT2 semasa OKT2 bekerja di Jabatan Kastam. Menurut SP11 pada 17 April 1998 OKT2 telah datang ke kedai membawa seorang kawan yang dikenali oleh SP11 sebagai SP1. SP11 telah mempelawa SP1 untuk membeli satu lighter. SP1 telah membeli lighter itu. Selepas itu SP11 telah menunjukkan satu jam tangan terpakai jenama Rolex (P7). SP11 memberitahu bahawa harga jam itu ialah RM3,2000. OKT2 telah menawar harganya sehingga RM3,000. Menurut SP11, dia telah menjual jam itu kepada OKT2 dengan harga RM3,000. SP11 menyatakan bahawa dia tidak tahu siapa yang membuat bayaran kerana dia sibuk melayan pelanggan-pelanggan lain. Menurut SP11, selepas itu dia nampak wang tunai RM3,000 atas show case – iaitu wang untuk bayaran harga jam itu. SP11 tidak mengeluarkan resit untuk penjualan jam itu.

[129] Dalam pemeriksaan balas SP11 menyatakan bahawa:

> Penjualan jam berlaku di sebelah petang. Tidak ingat masa yang tepat. OKT2 yang menawar harga jam itu dan saya kurangkan harga kepada RM3,000.00. **Saya serahkan jam itu kepada OKT2. saya jualkan jam tangan itu kepada OKT2.** Masa penjualan isteri saya ada bersama-sama saya. Dia nampak transaksi itu.
>
> (penekanan ditambah)

[130] SP11 menyatakan bahawa dia telah memberitahu pegawai-pegawai BPR tentang apa yang sebenarnya berlaku tentang penjualan jam itu. Menurut SP11 percakapannya telah diambil dua kali di kedai dan sekali di pejabat BPR. Menurut SP11:

> Saya ada beritahu pegawai BPR bahawa OKT2 membeli jam tangan itu dengan harga RM3,000.00. Saya beritahu ini pada hari pertama bila BPR datang ke kedai saya. Saya ada beritahu BPR OKT2 ada bayar RM3,000.00 untuk jam itu.

[131] Di satu bahagian lain dalam pemeriksaan balas SP11 menyatakan:

> Tidak tahu mula-mulanya kenapa statement saya diambil banyak kali tetapi sekarang saya tahu. Ini adalah kerana pada kali pertama saya mengatakan saya tidak ingat siapa yang bayar duit. Lepas itu saya katakan siapa yang beli siapa yang bayar. Pegawai BPR beritahu saya bahawa mereka telah tercatit dalam statement OKT2 yang bayar. Sebenarnya saya tidak tahu siapa yang bayar.

[132] Walaupun keseluruhan keterangan SP1 tidak goyah dan tergugat pada butir-butir material yang lain, keterangan SP11 seperti yang telah saya huraikan itu menimbulkan keraguan yang munasabah tentang ketepatan keterangan SP1 tentang pembelian dan pembayaran P7 pada 17 April 1998. Di dalam keterangannya SP1 menyatakan bahawa sepanjang ingatannya dia yang telah membayar harga jam itu. SP11 pula dalam satu bahagian dalam keterangannya menyatakan bahawa dia jualkan jam itu kepada OKT2 dan dia ada beritahu BPR bahawa OKT2 ada bayar RM3,000 untuk jam itu. Beban untuk membuktikan kes *prima facie* terletak di bahu pihak pendakwa. Apa yang perlu dilakukan oleh OKT2 ialah menimbulkan reasonable doubt dan ini boleh dilakukan berdasarkan kepada keterangan yang diberi oleh pihak pendakwa sendiri. Dalam penghakiman saya, ini telah berjaya ditimbulkan oleh OKT2. Dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 di ms. 100, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> The test at the close of the case for would therefore be:
>
> Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a *prima facie* case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of **any reasonable doubt** in the case for the prosecution. If there is such a doubt there can be no *prima facie* case.
>
> (penekanan ditambah)

[133] Dalam kes ini terdapat keraguan yang munasabah sama ada P7 itu telah dibelikan oleh SP1 untuk OKT2 dan dibayar oleh SP1 atau dibeli oleh OKT2 dan dibayar oleh OKT2. lni bererti terdapat keraguan yang munasabah sama ada OKT2 telah menerima secara rasuah P7. Pihak pendakwa telah gagal membuktikan terhadap OKT2 kes *prima facie* bagi pertuduhan utama.

[134] Bagi pertuduhan pilihan terhadap OKT2 pula, salah satu dari elemen yang mesti dibuktikan oleh pihak pendakwa ialah bahawa OKT2 telah menyetuju terima dari SP1 P7 tanpa apa-apa balasan. Oleh kerana terdapat keraguan yang munasabah sama ada P7 itu dibelikan oleh SP1 untuk OKT2, atau dibeli oleh OKT2 dan dibayar oleh OKT2, maka ini bererti bahawa pihak pendakwa juga telah gagal membuktikan kes *prima facie* bagi tuduhan pilihan. Dalam penghakiman saya OKT2 memang wajar dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri bagi pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan.